

PELAJARAN SAINS DAN MATEMATIK

Chedet.co.cc

November 15, 2011

By Dr. Mahathir Mohamad

1. Saya telah cuba menjelaskan berkali-kali bahawa penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar sains dan matematik bukan untuk mempelajari Bahasa Inggeris atau memperbaiki penguasaan bahasa itu. Tujuannya ialah untuk menguasai ilmu sains dan matematik.

2. Sains dan matematik (hisab) bukan seperti mata pelajaran lain. Fakta sejarah, geografi, sastera tidak berubah dengan pengaliran masa. Fakta dalam sejarah, geografi dan sastera kekal dan tidak bertukar.

3. Sains sebagai ilmu berkembang melalui penyelidikan dan kajian sepanjang masa. Sains yang saya belajar di sekolah dan di universiti tidak sama dengan sains masa kini. Dahulu tidak ada sains elektronik, komputer sains, sains angkasa lepas, "nano" sains, sains pembedahan dada, sains perubatan stem cell dan berbagai-bagai lagi. Semua ini di kenali dan diperkenal dari masa ke semasa melalui penyelidikan oleh pakar-pakar sains.

4. Mereka merekod dan menulis hasil kajian dan kaji selidik, perkataan dan ciptaan mereka sepanjang masa. Hampir tiap hari dikeluarkan kertas baru yang ditulis oleh penyelidik yang memperkenalkan teori dan discovery baru yang perlu diteliti dan difahami oleh ahli-ahli sains untuk mengemaskini ilmu mereka. Tanpa mengetahui ilmu yang terkini maka pengetahuan dan penggunaan ilmu baru ini tidak boleh dimanfaatkan baik semasa mengajar atau untuk diguna dalam ciptaan dan rekaan produk yang baru.

5. Contohnya telefon. Dahulu dawai menyambung alat telefon dengan operator yang akan menyambung panggilan. Kemudian operator diganti dengan memutar dail yang menyambung panggilan secara automatik, kemudian disambung melalui radio, kemudian diguna disk dan satelit yang mampu menyambung telefon bimbit terus kepada telefon bimbit di mana sahaja.

6. Kita hanya menjadi pengguna kerana tidak tahu teknologi untuk mencipta dan mengeluarkan telefon bimbit. Yang tahu hanyalah yang belajar dalam bahasa Inggeris. Sampai bilakah kita hanya akan menjadi pengguna semata-mata. Bolehkah kita jadi bangsa maju bertamadun tinggi selagi kita

menjadi bangsa pengguna?

7. Kita akan berkata orang Jepun, Korea, Jerman tidak guna Bahasa Inggeris. Ini tidak benar. Mereka perlu ada ramai yang memahami Bahasa Inggeris untuk membaca kertas-kertas dari penyelidik walaupun untuk memahami perkataan-perkataan baru untuk bahagian-bahagian tertentu supaya dapat memahami fungsi dan mengguna perkataan itu sebelum ditulis dalam bahasa mereka.

8. Mustahil mereka boleh memahami makna sesuatu perkataan atau sesuatu proses atau fungsi jika mereka tidak faham secara menyeluruh ayat bahkan rencana berkenaan. Kita faham perkataan "nano" umpamanya kerana kita faham diskripsi dalam Bahasa Inggeris yang menyebut perkataan "nano". Jika kita jumpa perkataan ini tanpa konteksnya kita tak mungkin faham apa dianya "nano" dan tak mungkin kita gunanya dalam bahasa kita. Demikian jugalah dengan perkataan-perkataan yang dipinjam dari bahasa-bahasa lain termasuk Bahasa Arab.

9. Orang Arab dahulu mempelajari Bahasa Yunani (Greek) untuk menguasai ilmu yang diterokai oleh orang Greek. Ilmu orang Greek tidak banyak dan akhirnya ilmu mereka diterjemah sepenuhnya kepada Bahasa Arab. Untuk mengalih bahasa mereka perlu faham bahasa Greek.

10. Lepas itu orang Arab menambah kepada ilmu ini melalui kajian mereka dalam bahasa mereka. Dalam jangkamasa seribu tahun, orang Arab berupaya dan dapat membuat kajian dan menambah kepada sains yang diperolehi dari orang Greek dan membukukannya.

11. Kemudian orang Eropah semasa Zaman Gelap (Dark Ages) mempelajari dan menguasai Bahasa Arab untuk mendapat ilmu yang dikumpul, diterokai dan dibukukan oleh Orang Arab. Dengan menguasai ilmu sains Arab maka sains dikembangkan pada mulanya dalam Bahasa Latin, dan kemudian bahasa-bahasa Eropah. Proses ini mengambil masa, walaupun jumlah ilmu yang diperolehi dari orang Arab tidaklah begitu banyak seperti sekarang.

12. Kita berada diperingkat mencari ilmu bangsa lain yang dibukukan dengan begitu banyaknya dalam bahasa mereka. Proses penyelidikan dan catitan atau pembukuan ilmu baru ini berlangsung sepanjang masa. Hampir tiap-tiap ilmu baru diperkenalkan dan kadang-kadang ilmu lama diganti dengan ilmu baru kerana yang lama tidak dapat dipertahankan lojiknya.

13. Hampir semua ilmu baru ini diperkenalkan dalam Bahasa Inggeris. Ia terlalu banyak untuk diterjemah ke dalam Bahasa Melayu. Tidak mungkin kita adakan penterjemah yang mencukupi yang fasih dalam Bahasa Melayu, fasih dalam Bahasa Sains Inggeris dan pakar dalam bidang sains berkenaan. Jika ada seorang dua, tak mungkin mereka sanggup menghabiskan hayat mereka menterjemah sains yang datang dalam bahasa Inggeris.

14. Sebenarnya universiti-universiti di kebanyakan negara menggunakan buku teks Inggeris untuk pembelajaran perubatan. Sebabnya ialah oleh kerana sukar mendapat buku teks sains diperingkat tinggi dalam bahasa mereka sendiri.

15. Untuk melancarkan sebuah kapal angkasa dari daratan supaya bertemu dengan Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS) memerlukan perkiraan dan perhitungan yang amat kompleks. Ini disebabkan dunia yang menjadi tempat melancar sedang berpusing mengikut axis (paksi) utara selatan dalam 24 jam. Tempat pelancaran ada kalanya siang dan ada kalanya malam. Dimasa yang sama axis itu juga bergerak mengikut musim. Juga dunia sedang bergerak mengelilingi matahari.

16. Stesen angkasa juga bergerak dengan pantas supaya lokasinya tetap relatif dunia. Demikian juga kapal angkasa perlu dilancarkan naik mengikut satu trajectory yang serong dengan kelajuan tertentu supaya dapat bertemu dengan stesen angkasa pada jam, hari dan saat tertentu. Jika tidak bertemu kerana perkiraan tersilap, kapal dan anak kapal akan hilang di angkasa.

17. Semua perkiraan ini memerlukan kecekapan dalam bidang algorithm. Siapakah diantara kita yang menguasai ilmu ini tanpa menguasai bahasa Inggeris yang mampu membuat perkiraan ini?

18. Pelajaran bukan hanya bertujuan menjadi fasih dalam bahasa pengantar – baik Bahasa Melayu mahupun Bahasa Inggeris. Pelajaran adalah untuk memperoleh dan menguasai ilmu. Hanya bangsa yang berilmu sahaja yang akan berdiri tamaddun yang tinggi.

83 Comments

1. *nash06*

November 29, 2011 at 7:38 pm

salam

kepada sesiapa yg tidak menyokong PPSMI adalah tidak faham akan arus perubahan yang berlaku di Malaysia. Sekarang adalah era globalisasi dimana kita tidak boleh berfikir di dalam Malaysia sahaja. Dunia sekarang memerlukan pelajar menguasai 2 bahasa untuk selamat di dunia luar. Kami generasi baru seharusnya sudah boleh menguasai bahasa inggeris di sekolah lagi. Arus globalisasi memberi impak yang besar kepada kami untuk terus maju dalam semua bidang. Ibu bapa seharusnya menyokong kami untuk terus menguasai bahasa inggeris supaya kami dapat menjadi saintis, doktor, peguam dan sebagainya untuk menjadikan Malaysia maju. Dunia berubah dgn pantas sekali. Sempat kah kami menunggu ilmu tersebut diterjemah, dibukukan, dan dipasarkan yang mengambil masa setahun atau lebih sedangkan model telefon bimbit yang baru pun memerlukan 3 bulan dipasarkan. Kami tiada masa untuk menunggu keputusan kajian kementerian sedangkan negara lain sudah menguasai semua pelbagai bahasa. Minngu lepas saya melawat orang asli Bateq di taman negara. Tok Batin mereka boleh berbahasa inggeris, melayu pahang, dan bahasa ibunda mereka. Kami dilarang mengata kerana mereka akan faham apa yang kami cakap. So, kami terus mendiamkan diri. negara jepun boleh maju kerana bukan bahasa mereka. Ini kerana mereka mempunyai disiplin yang tinggi, kerja kuat, patuh, dan sebagainya yang membawa kemajuan negara mereka. Bahasa inggeris untuk sains dan matematik di sekolah bukanla susah untuk difahami kerana kebanyakan istilah telah dimelayukan. Cuma untuk masuk universiti mereka tidak terkena kejutan perubahan bahasa yang boleh mengagalkan mereka untuk berjaya. PPSMI bukanla untuk menjadikan kami menguasai sains dan matematik tetapi lebih kepada untuk memastikan kami "survive" dalam era globalisasi sekarang nie yang serba maju dan pantas. Untuk bahasa ibunda kita, pihak sekolah sudah memastikan pelajar mereka tidak lupa seperti pertandingan pantun empat kerat, syair dan bnyk lagi. Ini bergantung kepada pelajar dan ibu bapa itu sendiri samada mahu ketinggalan atau maju ke depan. Semua ibu bapa ingin anak mereka menjadi orang berjaya. Jadi sokong apa yang terbaik untuk kami. Kuasai 2 bahasa atau ketinggalan di belakang kaum/bangsa lain.

2. *JB_FROM*

November 29, 2011 at 4:54 pm

Saudara Nazarudin,

Komen saudara,

“Kita tahu tidak semua manusia mempunyai kebolehan yang sama di dalam mempelajari apa juga Ilmu, bijak pandai di dalam Sains dan Matematik mungkin hanya sepuluh peratus. Negara kita pun tidak memerlukan semua pelajarinya menjadi bijak pandai di dalam Sains dan Matematik, mungkin keperluan kita untuk pakar Sains dan Matematik pun hanya sepuluh peratus. Jika hanya untuk keperluan sepuluh peratus ini kita memaksa semua pelajar-pelajar untuk mempelajari Sains dan Matematik, banyak pelajar akan hilang minat langsung untuk belajar Sains dan Matematik.”

Saudara, selain daripada pelajar yang mengikuti bidang sastera 90% bidang dalam IPTA memerlukan sains dan matematik. Fakulti Perniagaan dan Perakaunan, Fakulti Seni Bina, Fakulti Sains, Fakulti Kejuruteraan, Fakulti Perubatan, Fakulti Pertanian.

Yang tidak menggunakan Sains dan Matematik mungkin Fakulti Sejarah atau Sastera.

Wawasan 2020, dalam usaha untuk mencapai negara maju, kita memerlukan lebih ramai jurutera, pakar IT, doktor dan berbagai bidang lain yang bersangkutan paut dengan Sains dan Matematik.

Adalah tidak patut saudara merendahkan keutamaan Sains dan Matematik dan menyatakan hanya 10% daripada penduduk kita sahaja mencukupi untuk mahir dalam Sains dan Matematik.

Masalah yang utama adalah sumber rujukan untuk sains dan matematik bahkan banyak bidang lain adalah dalam bahasa inggeris. Saudara pergi ke perpustakaan, kedai buku, buka internet banyak dalam bahasa inggeris. Blog ini juga adalah 2 bahasa.

Sekiranya saudara melawat perpustakaan di UK, ramai tidak kira tua dan muda kunjung ke perpustakaan kerana banyak sumber ilmiah dalam bahasa inggeris dan pengunjung juga tahu bahasa inggeris. Berbeza disini seperti kata saudara hanya 10% yang tahu bahasa inggeris manakala buku di perpustakaan lebih 50% bahasa inggeris. Sebab itu perpustakaan lengang sentiasa.

Sekiranya rakyat kita daripada tahap sekolah lagi tidak mahir bahasa inggeris maka kebanyakan sumber ilmu yang ada disekitarnya tidak dapat diperolehi berbanding dengan mereka yang fasih dua bahasa.

Bahasa Malaysia adalah bahasa kebangsaan. Bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa. Rakyat kita perlu fasih 2 bahasa untuk maju ke hadapan.

Langkah yang baik untuk menambahkan lagi penguasaan bahasa inggeris adalah dengan menambahkan matapelajaran diajar dalam bahasa inggeris.

3. *nazaruddin*

November 29, 2011 at 12:37 pm

Salam Tun,

Saya memang menghormati Tun tetapi di dalam perkara ini saya tidak bersetuju.

1. Jika setakat mempelajari Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris tanpa mempelajari bahasa Inggeris itu sendiri akan menjadikan pembelajaran Sains dan Matematik itu sendiri gagal.

2. Kita tahu tidak semua manusia mempunyai kebolehan yang sama di dalam mempelajari apa juga Ilmu, bijak pandai di dalam Sains dan Matematik mungkin hanya sepuluh peratus. Negara kita pun tidak memerlukan semua pelajarnya menjadi bijak pandai di dalam Sains dan Matematik, mungkin keperluan kita untuk pakar Sains dan Matematik pun hanya sepuluh peratus. Jika hanya untuk keperluan sepuluh peratus ini kita memaksa semua pelajar-pelajar untuk mempelajari Sains dan Matematik, banyak pelajar akan hilang minat langsung untuk belajar Sains dan Matematik.

2. Saya bukan pesimistik dalam mengutarakan pendapat di atas, apabila Tun menyatakan orang Arab mempelajari bahasa Greek untuk mendapat Ilmu ini dari orang Greek, kemudian orang Barat mempelajari bahasa Arab untuk mendapat Ilmu ini dari orang Arab, adakah seluruh penduduk tanah Arab pada masa itu semua di paksa belajar bahasa Greek? Kemudian adakah seluruh penduduk Barat belajar bahasa Arab?

3. Saya berpendapat pada masa itu kurang dari 1 peratus penduduk Arab yang pandai bahasa Greek sama juga kurang dari 1 peratus penduduk Barat yang benar-benar pandai bahasa Arab.

4. Masa selepas perang dunia kedua apabila Jepun pun ingin mendapat Ilmu dari negara Barat, Jepun hanya menghantar mereka yang terpilih sahaja.

5. Apa yang saya cuba sarankan ialah tidak semua pelajar kita memerlukan kepandaian tahap tinggi mempelajari Sains dan Matematik. InsyaAllah mengikut statistik kita akan ada sepuluh peratus yang benar-benar boleh mengikuti setiap perkembangan Sains dan Matematik. Carilah mereka ini dan beri sokongan penuh kepada mereka secara jujur.

5. Yang lain, yang kebanyakan akan jadi kerani, jurujual, yang tidak kurang sumbangan mereka kepada negara kita, jangan jadikan Sains dan Matematik sebagai piawai untuk mereka maju.

6. Saya ialah seorang penuntut yang di hantar ke UK untuk menyambung pelajaran saya kesana. Tahun pertama saya tidak fasih berbahasa Inggeris, apa yang saya lakukan ialah setiap malam saya mendengar berita BBC dan cuba mengikuti cara penyampai berita itu bercakap. Atas usaha saya sendiri dalam masa tiga bulan saya menjadi fasih. Apa yang saya ingin nyatakan ialah cukuplah kerajaan memberi pelajaran awal (termasuk Sains dan Matematik) dan biasiswa kepada saya, **TIDAK PERLU KERAJAAN MENGAJAR SAYA BERBAHASA INGGERIS**, saya boleh belajar sendiri.

7. Namun begitu, apa yang saya tidak faham semasa pelajaran Sains dan Matematik di ajar di dalam bahasa Melayu, terma Sains dan Matematik pun di tukar ke bahasa Melayu seperti fluoride menjadi florida?

8. Pembelajaran Sains dan Matematik boleh di ajar di dalam apa bahasa sekalipun, tetapi terma-terma mestilah kekal dalam bahasa (latin atau inggeris) yang di terima di seluruh dunia. Anologinya ialah seperti bahasa isyarat yang digunakan oleh OKU pendengaran.

9. Saya setuju dengan kenyataan DPM, Ilmu lebih mudah difahami di dalam bahasa ibunda.

Terima kasih

4. [Riffzam](#)

November 25, 2011 at 3:55 am | [Permalink](#)

Salam Tun,

Sebuah artikel yang menarik lagi daripada Tun.

Isu ini memang sedang dimainkan hebat dalam negara kita. Ini merupakan asas untuk masa depan negara. Pendidikan negara seperti dalam keadaan terumbang ambing kerana penukaran polisi pendidikan yang semakin serasi dengan pelajar.

Saya merupakan bekas pelajar sekolah yang lahir daripada polisi ini, alhamdulillah, walaupun tidak secemerlang mana keputusan saya, tetapi saya selesa dengan polisi ini. Dan jika diberi peluang untuk belajar dua subjek penting ini, saya akan memilih untuk belajar dalam BI.

Saya secara jujurnya amat memahami niat murni Tun pada ketika polisi ini dicadangkan dan dilaksanakan. Tun mahu generasi masa hadapan menguasai bidang ini dan ternyata bidang ini sememangnya direkodkan dalam BI dan tidak bahasa lain. Jika lihat pada negara lain, dan tidak perlu jauh, lihat sahaja negara seberang Tambak, mereka mengamalkan polisi pendidikan sebegini dan generasi muda di sana sememangnya menguasai BI dengan mantap dan BM mereka masih kukuh seperti sediakala.

Dalam pada yang sama, saya yakin, yang mahukan polisi ini dimansuhkan hanyalah suara daripada minoriti kecil sahaja. Selebihnya amat selesa polisi ini diteruskan. Mereka yang membantah polisi ini memperjuangkan BM kerana takut hilang pada diri anak bangsa. Sememangnya itu silap. Usah khuatir, BM tetap ada di tanah air ini berpayung Artikel 152. Tidak akan lupus pupus di Malaysia.

Bagi saya, kerajaan perlu membuat kata putus yang fleksibel bagi polisi ini. Dan kedua-dua pihak akan berada dalam situasi menang-menang.

Sekian sahaja daripada saya, Terima kasih.

**Di sini saya lampirkan sekali pandangan saya tentang isu ni :

[ISU : Dilema PPSMI & MBMMBI](#)

5. *Nikmat*

November 23, 2011 at 11:19 pm

Salam

Tuan Guru Dr Mahathir yg di Rahmati ALLAH,

Alhamdulillah, Orang Melayu dah sedar dan menyokong kebenaran TGDrM

Syukur kepada Allah swt.

6. *semut selatan*

November 23, 2011 at 2:00 am

Salam Tun,

penekanan harus dibuat dalam sistem pelajaran kita dimana memang tak dinafikan bahawa sistem yang sedia ada telah melahirkan banyak cerdik pandai dan cendekiawan. Tetapi apa salahnya kita bertukar demi kehendak masa dan mungkin kita mampu melonjak jauh kedepan.

Encik MUTLEY.... well said. This what the goverment should do/done decade ago. In this multi racial country, it is not to argue who is good or bad but how together we develope our country and promising future to our children. I'm sick listening to all this nonsense claiming that we would lost our beloved bahasa if the medium changed to English.

7. *menujuhadapan*

November 23, 2011 at 1:07 am

Tun,

Saya bersetuju dengan hirisan fakta yang dikemukakan Tun di dalam menyokong PPSMI. Bagi mereka yang sangsi terhadap strategi PPSMI, saya sebenarnya memahami kebimbangan para ibu bapa dan mungkin juga guru-guru yang merupakan "produk" sistem pendidikan yang menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengajaran di sekolah dan di universiti. Saya juga merupakan bekas pelajar yang telah mengharungi sistem pendidikan yang menggunakan Bahasa Malaysia (di SRK dan menengah). Kita bimbang anak-anak kita terutamanya anak-anak luar bandar akan terpinggir sekiranya mereka tidak dapat mengikuti pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris. Jika direnungkan kembali tahun-tahun sebelum Bahasa Malaysia menjadi medium pengajaran formal di universiti, saya pasti ramai ibu bapa yang asalnya berpendidikan Inggeris, Mandarin dan Tamil juga resah anak-anak mereka tidak dapat mengikuti pelajaran dalam bahasa Malaysia di universiti. Tetapi, hakikatnya ramai pelajar Cina dan India yang berjaya di peringkat universiti tempatan walaupun pengajaran menggunakan bahasa Malaysia. TETAPI, melalui pengalaman saya sendiri di universiti, banyak penterjemahan perlu dilakukan semasa membuat penyelidikan dan mencari informasi terbaru di laman web yang penuh dengan informasi sains & teknologi terkini yang menggunakan bahasa Inggeris.

Penggunaan BM tidak menghalang anak-anak kita untuk mencari ilmu tetapi di peringkat universiti banyak masa terbuang untuk memahami dan membuat penterjemahan teks-teks dan laporan-laporan kajian yang majoritinya dalam Bahasa Inggeris. Pada pengamatan saya, jika sesuatu fakta penyelidikan sains dan teknologi perlu dibawa ke medan antabangsa untuk diskusi, saya rasa banyak pelajar mahupun pensyarah akan kecut

kerana khuatir silap penterjemahan dan yang lebih serius lagi, tidak berupaya memberi ucapan atau membahas secara yakin kerana kurang menggunakan bahasa Inggeris sewaktu membuat perbincangan di dalam universiti.

Perlaksanaan PPSMI perlu diberi masa yang lebih panjang untuk melihatkan hasilnya. Guru-guru kita sekarang masih kurang fasih bahasa Inggeris dan masa yang diperlukan untuk PPSMI untuk berjaya mungkin memerlukan 15-20 tahun lamanya. Para pelajar PPSMI sekarang yang kemudiannya akan mengajar anak-anak Malaysia di masa hadapan sepatutnya dapat menampakkan hasilnya jika kita berani mengujinya.

Saya faham banyak diantara kita terutamanya ibu bapa berada dalam keadaan dilema tetapi masa hadapan negara kita tidak boleh dikorbankan. Jangan kita campur-adukkan PPSMI sebagai pengganti BM sebagai bahasa Kebangsaan atau mengancam identiti bangsa dan negara. Kita sepatutnya melihat PPSMI sebagai platform lonjakan untuk mempercepatkan penguasaan ilmu sains dan teknologi bagi menjadikan Malaysia sebagai "high income nation" dan bukan lagi dilihat sebagai "low cost labour nation."

Tepuk dada tanya selera. Sekiranya anda merupakan graduan universiti Malaysia dalam bidang sains dan teknologi dan kini anda tidak berkeyakinan atau "struggle" untuk memasuki alam pekerjaan kerana tidak petah berbahasa Inggeris atau kurang memahami "engineering or scientific terms in English", janganlah anak-anak kita di masa hadapan mengharungi rintangan yang sama. "We are the lost generations!" Janganlah sampai "Multiple lost generations".

8. *JB_FROM*

November 22, 2011 at 4:43 pm

Saudara Duyam,

Komen saudara,

"Cuma kita fikirkan. Adakah saudara/saudari merasakan sistem pendidikan yang lepas (mendapat pendidikan dalam bahasa Malaysia/Melayu) telah gagal? Jika gagal, maka tiadalah CEOs yang ada sekarang memegang tampok di GLC dan professor-professor yang bijak pandai meneraju penyelidikan dan universiti. Ataupun dengan bersistem pendidikan keseluruhannya dalam bahasa Inggeris (seperti sebelum dan beberapa tahun selepas merdeka), kita telah melahirkan ribuan saintis dan bijak pandai?"

Kalau kita hendak rujuk semula zaman pengajian yang lepas "sebelum PPSMI", memang ada yang berjaya sampai ke tahap kerjaya yang baik, sampai ke tahap CEO, dll.

Saya sendiri pun melalui zaman yang sama. Kalau saudara cuba ingat kembali, adakah ramai orang melayu yang terhambat dalam pelajaran disebabkan kebolehan dalam bahasa inggeris?

Di peringkat Universiti, memang kuliah dijalankan dalam bahasa Malaysia tetapi buku rujukan pengajian boleh dikatakan kebanyakannya adalah dalam bahasa inggeris. Ini

bukan sahaja untuk bidang Sains dan Matematik tetapi juga dalam bidang lain seperti kajian perniagaan, seni bina dll.

Sekiranya pelajar kita tidak mahir dalam Bahasa Inggeris, maka bagaimana hendak membuat rujukan selain daripada nota kuliah. Di peringkat Universiti, bukan hanya pelajar patut tumpukan nota kuliah tetapi sumber-sumber lain. Apatah lagi zaman sekarang, banyak sumber-sumber rujukan boleh didapati daripada internet.

Kalau saudara ingat kembali zaman sekolah dahulu (sebelum PPSMI), subjek bahasa inggeris hanyalah satu dan ramai dikalangan pelajar sekolah tidak menganggap ianya penting terutamanya dikalangan pelajar melayu.

Kenyataannya adalah bahasa inggeris adalah amat penting terutamanya di zaman sekarang. Kesemua PM kita fasih bahasa inggeris, buku-buku di perpustakaan banyak dalam bahasa inggeris, muamalah didalam perniagaan juga terlalu banyak dalam bahasa inggeris.

Persoalannya adakah pengajian bahasa inggeris sebagai satu matapelajaran tunggal disekolah rendah dan menengah mencukupi sebagai persediaan pelajar-pelajar kita ke IPTA dan seterusnya dlm kerjaya?

Bukankah baik sekiranya daripada kecil, pelajar kita fasih di dalam dua bahasa?.

Sekiranya pelajar kita fasih 2 bahasa maka apabila pergi ke perpustakaan, pilihan untuk membaca adalah lebih berbanding dengan satu bahasa.

Saya mengetahui tiga bahasa, melayu, inggeris dan cina kerana walaupun saya orang melayu saya sekolah cina. Dengan adanya pengetahuan berbagai bahasa, maka dapatlah dicungkil ilmu daripada sumber melayu, cina dan inggeris.

Saya berasa lemah kerana tidak tahu bahasa arab, kerana dengan kelemahan ini tidak dapat saya mencungkil ilmu ugama sama seperti mereka yang fasih bahasa arab.

9. *jolly*

November 22, 2011 at 3:27 pm

Hi Tun,

Pada pendapat saya, murid-murid sekolah rendah patut belajar dalam bahasa ibunda masing-masing, tetapi dengan "subtitle" bahasa Inggeris dibekalkan, untuk ungkapan-ungkapan atau perkataan-perkataan yang penting dalam buku-buku teks.

Pelajar-pelajar sekolah menengah pula patut belajar dalam bahasa Inggeris, tetapi dengan "subtitle" dibekalkan dalam bahasa Malaysia.

Oleh kerana banyak perkataan-perkataan baru yang terdapat dalam bahasa Inggeris tidak terdapat dalam bahasa Malaysia, adalah langkah yang bijak jika Dewan Bahasa dan Pustaka dapat menentukan istilah-istilah baru untuk perkataan-perkataan sedemikian, dan masukkan mereka ke dalam buku-buku teks Sains dan Matematik, dalam bentuk

“subtitle”.

Dengan cara ini, taraf Bahasa Malaysia dapat dipertingkatkan lagi dengan cepat dan mudah, tanpa menjejaskan proses pembelajaran Sains dan Matematik pelajar-palajar di Malaysia.

3. Untuk meningkatkan lagi kedudukan universiti-universiti tempatan, kertas-kertas penyelidikan mestilah ditulis dalam bahasa Inggeris yang tajam. Jika pelajar-pelajar tidak dapat menyesuaikan diri dalam bahasa Inggeris pada peringkat sekolah menengah, tidak ada harapan lagi bagi universiti-universiti kita untuk memperbaiki kedudukan mereka. Lama-kelamaan, kita akan jadi lemah dan dipandang rendah di kalangan masyarakat akademik.

4. Kanak-kanak yang belum masuk sekolah sentiasa menonton kartoon di depan kaca TV. Di kota, kanak-kanak selalu menonton Astro. Tetapi di desa, kanak-kanak dari keluarga miskin hanya dapat menonton rancangan-rancangan dari TV1/2/3/7/8. Alangkah baiknya jika pihak yang berkuasa memaksa stesen-stesen TV itu memberikan “subtitle” dalam bahasa Inggeris. Jika “subtitle” diberikan, sekurang-kurangnya mereka boleh merujuk kepada kamus.

Sekian. Terima kasih, Tun.

10. *rnazir*

November 22, 2011 at 10:15 am

Salam Ayahnda Tun,

Ini lah masalah orang kita. Lain yang di suruh lain yang difaham. Bukan setakat Menteri tak faham, profesor-profesor pendidikan pun tak faham juga kehendak Tun. Bila kena desak takut hilang kerusi, ikut saja apa yang golongan cerdik tak pandai ini cakap. Cuma nak tahu ayahnda, adakah Menteri yang dilantik menerajui kementerian ini mereka yang hanya pandai bercakap sahaja tanpa memahami apa yang di cakap serta jumud idea? Itu lah sebabnya Johor boleh hilang kawasan pada Singapura sebab menteri cakap melalut tanpa fakta semasa kes di ICJ dulu. Kesian orang Melayu kita ayahnda. Ayahnda buat perancangan untuka cerdik dan pandaikan mereka tapi ketua mereka menarik semula mereka dalam gua. Takut nanti rosak bahasa dan budaya. Sedarkan mereka yang anak-anak muda sekarang dah terlalu keinggerisan mereka? Kalau nak didik Bahasa Inggeris buat betul- betul dengan ikhlas dan bertujuan. Bukan buat kerana di suruh. Sebab di suruhlah bila ayahnda Tun turun kerusi PM maka semua nak diubah semula. Nak tanya juga, kenapa menteri sibuk hantar anak merka belajar luar negara? Belajar dalam Malaysia sudah lah. Bukankah mereka juga yang suruh kita belajar dalam negara kerana sistem pendidikan malaysia yang terbaik di dunia katanya? Makin saya tak faham ayahnda. Mungkin rakyat kita yang kurang pandai boleh terima tapi yang pandai pula cuba dikelirukan. Siapa nak memperjuangkan nasib kita? Nak harap MCA atau MIC. Kalau BN kalah silap haribulan mereka pun cabut lari. Siapa nak hidup susahkan. Dah tentu mereka ni tak ada semangat patriotik. Buktinya kawan kita seberang tambak maupun di Indon. Berlaku pergolakkan siang-siang dah angkat tikar bantar lari. Nak bergantung pada UMNO, inilah jadinya. Tun nak pandaikan orang Melayu mereka yang

bangkang kuat. Habis tu pada siapa lagi nak kita harap. Tak guna kita kesal dan salahkan orang lain kalau kita gagal nanti. Jangan jadi Melayu Singapura. Hebat berkokok tapi ekor bergelumang najis.

11. *Khairul-Dean*

November 22, 2011 at 8:20 am

Suhaimi Omar telah memberi satu penjelasan yang menari. Tetapi bagaimana dia menguatkan kata-katanya itu?

kita dapati kebanyakan pelajar sekolah telah dapat pertambahan penguasaan Bahasa Inggeris.

kita telah mendapat seorang Menteri Pelajaran yang mempunyai karisma seperti Tun Abdullah, yang tidak mempunyai pendirian, seperti lalang, berdegar – degar cakap pasal Melayu tetapi takut pada bayang – bayang sendiri.

Belum pun 1 pusingan PPSMI dilaksanakan
(PPSMI setelah 6 tahun dilaksanakan. Saya seorang guru dapat merasai perbezaan penguasaan pelajar – pelajar sekolah dalam penguasaan Bahasa Inggeris berbanding sebelum PPSMI dilaksanakan)

Contohnya, Tun membiarkan sekolah Cina dan Tamil melaksanakan kurikulum mereka sendiri atas alasan bahasa ibuanda...

Saya faham strategi Tun. Tetapi apabila pelajar mereka naik ke sekolah menengah, mahu atau tidak mereka terpaksa mengikuti PPSMI, pelajar – pelajar mereka tidak dapat mengikuti P & P Mathematics dan Science. Tun tersenyum melihat kebodohan mereka. (betulkah?)

Contoh Nik Aziz dapat menguasai 5 bahasa, hilanglah Bahasa Melayu loghat Kelantannya.

Silibus KPM semasa era Tun tidak menghilangkan bahasa sampingan maka dengan itulah terhasillah SMKA yang memberi tumpuan kepada Bahasa Arab, Jawi dan Al Quran, selain fardhu ain (mana Bahasa Inggeris?)...Hidup Tun Mahatdir

Saya berterima kasih walau apapun.

Sekian dan salam Hormat.

12. *roth_othman*

November 22, 2011 at 3:14 am

Salam Tun,

Izinkan saya memberi pendapat mengenai ulasan saudara khayrule93 mengenai perkara yang dibincangkan iaitu “Penggunaan Bahasa Inggeris untuk matapelajaran Sains and Matematik”. Saudara khayrule93 menyebut tentang usaha me”Lingua Franca”kan Bahasa Malaysia, justeru itu Tan Sri Muhyiddin dan Dato Sri Rais Yatim telah memasukkan satu perundangan untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai bahasa ASEAN. Seterusnya saudara khayrule93 mencadangkan bahasa kebangsaan itu diperluaskan ke AFRIKA, ASIA, ARAB dan akhir sekali seluruh dunia.

1. Pada pendapat saya, ini bukanlah satu perkara yang mustahil. Akan tetapi soal yang perlu diambilkira terutamanya jika dikaji dari perspektif negara-negara yang disebutkan terlebih dahulu iaitu AFRIKA, ARAB mahupun di rantau ASIA termasuk di China, Jepun, Rusia, India, Filipina dsbnya. Apakah keuntungannya sekira mereka mempelajari Bahasa Malaysia sedangkan mereka telah pun mempunyai pilihan menggunakan bahasa ibunda mereka sendiri atau Bahasa Inggeris dalam urusan harian mereka? Sekiranya perkara ini ingin dijayakan, kita harus memikir dari segi penggantungan rakyat negara-negara tersebut terhadap bahasa yang ingin kita perkenalkan, sepertimana kita selama ini bergantung kepada penggunaan Bahasa Inggeris.

2. Seperkara lagi yang menarik perhatian saya adalah pendapat saudara khayrule93 mengenai “Push pakar BI ke institute terjemah negara”. Pendapat ini sudah tentu akan membuatkan rasa kurang senang di kalangan pakar-pakar sains atau matematik. Kenyataan ini juga mungkin boleh membuatkan mereka terasa diperkecilkan, sedangkan mereka inilah “the expert on the subject”. Perlu diingatkan, setiap discipline ada bahasa khusus atau jargon masing-masing, malah dalam ilmu kejuruteraan, kedokteran maupun pengurusan peniagaan atau organisasi telah tersedia istilah-istilah yang khusus digunakan untuk pengajian masing-masing. Saya kurang bersetuju dengan pendapat saudara khayrule93 sekiranya pakar BI dijadikan penterjemah bahasa yang mana mereka tiada kepakarannya.

3. Kegagalan atau peralihan aliran (dari Aliran Sains ke Sastera) yang berlaku di kalangan pelajar adalah kononnya disebabkan oleh kurangnya pemahaman pelajar itu sendiri terhadap matapelajaran tersebut, yang mana, difahamkan penyampaiannya pada masa itu adalah dalam Bahasa Inggeris. Soalnya “adakah penggunaan BI penyebab kegagalan pelajar sehinggakan ada sesetengah pelajar yang kemudiannya mengambil keputusan beralih dari Aliran Sains ke Sastera? Perlukah penggunaan BI dipertikaikan atau mungkinkah faktor penyebabnya adalah penyampainya sendiri. Saya percaya, sekiranya penyampai (guru) itu mempunyai kepakaran mendidik dan kecekapan serta kompeten dalam menyampai matapelajaran yang diajar dengan baik dan seperti yang disasarkan, kegagalan atau peralihan aliran (dari Aliran Sains ke Sastera) dapat dikurangkan atau mungkin tidak akan berlaku sama sekali. Selain dari kecekapan tenaga pengajar diperlukan, seorang guru juga disyorkan mempunyai teknik yang baik dalam mendorong minat dan pembelajaran murid-muridnya. Guru-guru juga harus membentuk pelajar mereka agar sentiasa berfikiran terbuka dan positif terhadap perkara-perkara yang baru diperkenalkan. Sindrom takut akan perubahan mengingatkan saya kepada “fear of change”, sifat yang takut, was-was dan kurang percaya akan kebolehan diri sendiri untuk melakukan sesuatu perkara sehingga berjaya. Sikap negatif ini boleh dihindar sekiranya guru itu sendiri mengamalkan sifat positif dan menunjukkan “Kepimpinan melalui

teladan”.

Sekian pendapat saya. Juga ucapan setinggi-tinggi terimakasih kepada Tun atas memberi saya laluan untuk berkongsi pendapat. Juga saya menyusun sepuluh jari sekira saya terkasar bahasa dalam penyampaian di atas.

“RAKYAT POSITIF, NEGARA PROGRESIF”

Wasalam.

13. *ahh*

November 21, 2011 at 10:17 pm

Salam ayahanda,

Pandangan dan pendapat yang diutarakan ayahanda adalah benar dari segi mengatur strategi dalam menjamin pendidikan anak bangsa untuk tujuan akan datang.

Bagi saya pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris adalah baik tetapi apakah ianya dapat menjamin penerimaan dan pemahaman majoriti pelajar2 di luar bandar? Apakah yang mungkin akan terjadi kepada pelajar2 di luar bandar yang masih belum menguasai Bahasa Inggeris terhadap kedua-dua mata pelajaran tersebut? Bagi tujuan rujukan memang benar banyak bahan2 rujukan kini adalah dalam Bahasa Inggeris tetapi kita masih perlukan seorang guru ataupun kamus untuk memberi penjelasan dalam Bahasa Melayu bagi memastikan tahap kefahaman pelajar tersebut mencapai kepada tahap yang diinginkan. Bagi seorang guru apakah kemungkinan penjelasan yang diberikannya terhadap Pelajaran Sains dan Matematik walau dalam Bahasa Melayu sekalipun mampu untuk memberi pemahaman kepada majoriti pelajar dalam kelasnya? .

Justru saya berpendapat sekiranya kita mempunyai Buku Sains dan Matematik yang telah diterjemahkan kepada Bahasa Melayu secara tidak langsung dapat membantu pelajar lebih cepat memahami subjek tersebut lebih-lebih lagi kepada pelajar diluar bandar. Kemungkinan juga pemahaman terhadap subjek ini dapat merangkumi majoriti pelajar samada pelajar Bandar mahupun pelajar luar Bandar kerana bagi pelajar bandar yang telah menguasai Bahasa Inggeris mereka semestinya mampu untuk memahami buku yang telah diterjemah dalam Bahasa Melayu dan pelajar luar bandar juga dapat memahaminya dengan lebih baik. Ini bagi memastikan keseimbangan pemahaman diantara pelajar luar bandar dan pelajar di Bandar terhadap pelajaran Sains dan Matematik.

Tidak dinafikan dari segi bahasa kita perlu menguasai Bahasa Inggeris untuk memahami ilmu-ilmu yang ada kerana ianya telah diterjemahkan dalam bahasa tersebut. Bahkan kebanyakan teknologi pada hari ini juga perlukan penguasaan Bahasa Inggeris. Namun dalam pembelajaran kepada anak-anak bangsa perlukan keseimbangan untuk memberi pemahaman yang mendalam kepada mereka. Apakah kita boleh menjamin pelajar yang menguasai bahasa Inggeris mampu untuk memahami Sains dan Matematik dengan lebih baik daripada pelajar yang tidak menguasainya? Kemungkinan pelajar yang tidak mampu menguasai Bahasa Inggeris lebih memahami subjek tersebut dengan lebih mendalam sekiranya ianya diterjemahkan dalam Bahasa Melayu. Untuk menguasai sesuatu ilmu pemahaman perlu diberikan penekanan dan untuk memberikan pemahaman yang baik

kepada pelajar kita carilah jalan ditengah-tengah supaya ianya tidak terlalu tinggi dan juga tidak terlalu rendah.

Di waktu yang sama pembelajaran Bahasa Inggeris perlu diberikan penekanan bagi memastikan pelajar dapat menguasai Bahasa Inggeris dengan baik dimasa akan datang. Memang benar Bahasa Inggeris dalam Matematik dan Sains adalah berbeza namun dengan mendalami Bahasa Inggeris mereka akan mempunyai asas yang kukuh dan apabila asasnya sudah ada kemungkinan untuk memahami Bahasa Inggeris yang digunakan di dalam Sains dan Matematik adalah tinggi kerana asasnya sudah ada.

Apa pun ianya adalah pandangan peribadi saya kerana saya melihat ramai pelajar sememangnya ingin memahami apa yang dipelajarinya dengan mudah tetapi apabila ianya sudah disusahkan akhirnya mereka hanya menghafal dan bukan memahaminya. Justru akhirnya kita tidak akan mencetuskan pencipta kepada teknologi kerana tidak ada yang dapat memahami sesuatu perkara dengan baik. Perbincangan ini ada baik dan buruknya namun ianya adalah semata-mata untuk memantapkan pendidikan anak bangsa. Ini hanya pandangan peribadi saya ayahanda tidak ada kena mengena dengan politik mahupun tujuan yang lain. Hanya lemparan pandangan dan pendapat yang saya fikir wajar untuk saya utarakan.

Akhir kata semoga ayahanda dan keluarga dipanjangkan umur dan diberikan kesihatan yang baik senantiasa. Amien.

14. [parameswara 2](#)

November 21, 2011 at 8:54 pm

Tun

1-Don't scrap the PPSMI.Better still bring back the English medium schools.

2-Whatever that had happened ,13th may racial tragedy EXPLOITED by vote hungry UMNO politicians eager to bring up Malay language are all blessings in disguise,but ONLY to the non Malays.They may be an English LOST but a Malay GAIN generation.Level of Malay of many Malaysian Chinese and Indians today would not have been so good if the Govt had not done what it did.The Non Malays now have benefited extremely making them also marketable in INDONESIA other than CHINA or INDIA.

3-I can see that they are also still relatively well conversant in English.

4-But the Malays gained nothing at all through all these.They don't even feel like Malay is the national language when their own BANGSAWAN leaders still dream in English.

5-So enough of the stupid pride.This is the 21st century and the Global world is already right here under our noses!The ones busy closing deals fast are the ones who speak mainly English.

5-Malay are spoken by the foreign workers people who are here to send our ringgit back to their countries. So they will still be people who want to learn Malay. That language will not die as long as this country is rich and successful.

6-I can only respect the decision to do away with PPSMI or not to bring back English medium-if only Najib AND Muhyidin and the gang themselves are willing to promise they will never send their children to English medium schools ANYWHERE by signing a declaration/akujanji...before the official abolishment.

Thanks.

15. *mrnrmelayu*

November 21, 2011 at 6:38 pm

Salam Tun,

Pada mulanya saya bersetuju bahawa perlunya pengajaran Sains & matematik dalam bahasa Inggeris tetapi apa yang berlaku pada anak jelas menunjukkan pendekatan itu kurang betul.

Apa yang berlaku pada anak saya yg berada ditahun 6 amat merisaukan apabila beliau bukan sahaja gagal memahami persoalan malah tidak faham konsep matematik yang mudah.

Saya akui bahawa ada kesilapan saya juga disini kerana saya jarang berada dirumah. Maka saya terpaksa menumpukan perhatian dan mengajar beliau utk 2 bulan supaya beliau dapat menguasai basic principles, kerana cara saya mengajar agak keras maka isteri saya menghantar beliau kekelas tambahan. Alhamdulillah, dari F dapatlah A.

Bagaimana pula keadaan anak2 bangsa saya yang dikampung2, yang mana ayah dan ibu mereka berpendapatan rendah dan tidak tahu masalah anak2. Seperti anak saya, saya yakin kebanyakan anak2 melayu apabila tidak memahami pengajaran, mereka terus berdiam, mudah putus asa, dan akhirnya terus terabai.

Pada pendapat saya, pembelajaran sains & matematik diperingkat sekolah rendah & menengah hanya adalah diperingkat asas dan saya yakin kebanyakan anak2 tidak mampu memahami laporan kajian2 saintis

Sepatutnya penekanan harus dibuat secara menyeluruh diperingkat tinggi seperti diploma atau ijazah yang mana mereka perlu menghadiri "kelas peralihan bahasa" terutama di IPTA.

Sistem pendidikan Negara sepatutnya bukan diubah secara total tetapi kajian dibuat utk system yg ada dan diperbaiki cara pengajaran, sumber2 buku utk menambah minat pelajar utk terus belajar dan membaca.

Saya dibesarkan dgn Penilaian Darjah 5, SRP, SPM, STPM seterusnya ke university. Saya dan ramai lagi rakan2 dari kampung2 tidak pernah faham English tetapi mampu

meneruskan pembelajaran di USA, England, Australia, Canada etc, malah ada yang berjaya menjadi engineers, architects, saintis.

Dari pengamatan saya system ini berkesan tetapi ianya perlu penambahbaikan untuk disesuaikan dengan masa dan teknik yang terkini.

Malangnya system ini dihapuskan dgn pengenalan KBSM/KBSR, dan macam2 lagi yang belum tentu hasilnya.

Maka terjadilah keadaan sekarang kami sebagai ayah ibu tidak faham system yang sering berubah. Kami merasa begitu penting anak2 dapat 5A atau 7A atau 9A (lagi banyak A maka lagi bagus) tanpa anak2 itu memahami apakah pembelajaran.

Disini saya nampak kegagalan bila anak2 ini tidak merasai apa itu pembelajaran sebagai contoh Sejarah, apa itu kemerdekaan, siapa pejuang2, dll bila belajar hanya untuk dapatkan A.

Salam

16. *Suhaimi Omar*

November 20, 2011 at 9:34 pm

Salam

Tahniah kepada mantan PM, Tun Dr Mahathir. Saya seorang guru yang menyokong penuh program PPSMI yang mana kita dapati kebanyakan pelajar sekolah telah dapat pertambahan penguasaan Bahasa Inggeris. Tapi sayangnya kita telah mendapat seorang Menteri Pelajaran yang mempunyai karisma seperti Tun Abdullah, yang tidak mempunyai pendirian, seperti lalang, berdegar – degar cakap pasal Melayu tetapi takut pada bayang – bayang sendiri. Maaf saya terpaksa menyentuh sedikit hal tersebut. Belum pun 1 pusingan PPSMI dilaksanakan tetapi kita akur dengan bantahan – bantahan bodoh dari pihak yang terasa kebodohan mereka apabila menolak PPSMI semasa mula perlaksanaan dahulu. Contohnya, Tun membiarkan sekolah Cina dan Tamil melaksanakan kurikulum mereka sendiri atas alasan bahasa ibuanda mereka dan juga atas permintaan dan tekanan dari mereka sendiri. Saya faham strategi Tun. Tetapi apabila pelajar mereka naik ke sekolah menengah, mahu atau tidak mereka terpaksa mengikuti PPSMI, maka pada masa inilah timbul tentangan hebat daripada orang – orang Cina dan India kerana pelajar – pelajar mereka tidak dapat mengikuti P & P Mathematics dan Science. Saya agak mungkin pada waktu itu Tun tersenyum melihat kebodohan mereka. Tetapi yang paling bodoh, PAS juga bangun bersama orang Cina dan India menentang PPSMI tanpa tahu apa sebab orang Cina dan India berdegar – degar menentang PPSMI setelah 6 tahun dilaksanakan. Saya seorang guru dapat merasai perbezaan penguasaan pelajar – pelajar sekolah dalam penguasaan Bahasa Inggeris berbanding sebelum PPSMI dilaksanakan. Salahkah, berdosakah, hilangkah Bahasa Melayu kalau kita gunakan Bahasa Inggeris dalam kedua subjek tersebut. Contoh Nik Aziz dapat menguasai 5 bahasa, hilangkah Bahasa Melayu loghat Kelantannya. Kita tidak boleh menafikan bahawa Bahasa Inggeris adalah bahasa ilmu dunia dan Bahasa Arab adalah bahasa ilmu akhirat. Sebelum sampai

ke akhirat kita akan berada di dunia terlebih dahulu dan kita mesti mendahuluinya dan itu adalah hakikat. Silibus KPM semasa era Tun tidak menghilangkan bahasa sampingan maka dengan itulah terhasillah SMKA yang memberi tumpuan kepada Bahasa Arab, Jawi dan Al Quran, selain fardhu ain. Betul seperti kata Tun dalam wawancara dengan Mingguan Malaysia pada 20 November 2011. Kebanyakan pemuka UMNO hari ini lebih mementingkan kerusi daripada perjuangan bangsa dan agama hatta dalam PAS sekali pun hilang agama kerana berebut kuasa. Kami terasa kehilangan dua orang tokoh kepimpinan Malaysia iaitu Tun Abd Razak dan Tun Mahathir yang mana perjuangan kedua tokoh ini mempunyai wawasan agama, bangsa dan negara berbanding tokoh hari ini berjuang kerana nama dan kekayaan. Saya mohon bantulah pentadbiran Malaysia sekarang untuk memulihkan kredibiliti Malaysia sebagai tonggak negara dan pemerintahan orang Melayu khasnya orang Islam. Saya amat teringin untuk bertemu muka 'in personal' dengan Tun walaupun hanya 5 minit, tapi adalah agak keterlauan jika dikatakan mustahil. Semoga Tun panjang umur untuk membimbing tokoh – tokoh baru dalam pentadbiran Malaysia. Hidup Tun Mahatdir

17. *Shah 2010*

November 20, 2011 at 3:06 pm

Assalamualaikum dan selamat sejahtera Tun dan pembaca blog.

Izinkan saya menyuarakan pendapat tentang isu ini. Bahasa Inggeris perlu digunakan sebagai bahasa pengantar mempelajari ilmu sains dan matematik.

Kita perlu mengkaji ilmu sains dan matematik yang banyak menggunakan Bahasa Inggeris dalam bentuk asalnya. Mengapa kita hendak membazir masa menterjemahkan setiap kandungan ilmu itu dan kemudian baru mengkajinya? Sedangkan kita berpeluang menterjemah dan mempelajarinya pada masa yang sama jika kita menggunakan sumber asal (dalam Bahasa Inggeris?) Dalam zaman informasi, kita mesti pantas. Pengalaman saya, orang yang berjaya sebagai seorang manusia ialah orang yang mendahului masa.

Kita juga perlu menilai apa yang dikatakan dalam terjemahan. Terjemahan ialah pemahaman penterjemah. Sejauhmanakah penterjemah memahami sesuatu subjek yang dikuasai oleh orang lain? Pasti ada penterjemah yang mahir dalam memahami sesuatu subjek, tetapi kemungkinan mereka tersilap tetap ada. Berbalik kepada isu ilmu dalam bentuk asal, saya berpendapat satu penemuan mestilah diceritakan oleh orang yang membuatnya. Jika kita melihat perkara ini dalam konteks yang berbeza. orang yang paling baik untuk bercerita tentang diri kita mungkin hanya diri kita sendiri. Ya, akan ada orang yang boleh faham dan bercerita tentang kita, tapi ramaikah bilangan mereka?

Jika kita mengaitkan yang ada negara maju dalam ilmu sains dan matematik tanpa mempelajari Bahasa Inggeris, kita perlu melihat faktor-faktor lain yang mempengaruhi keadaan ini. Jika satu negara itu begitu pantas menterjemahkan ilmu dalam bahasa lain ke bahasa kebangsaannya, mungkin negara tersebut lebih baik dari segi pengurusan sumber ilmu ditambah dengan pencapaian teknologi berbanding negara kita. Mungkin rakyatnya

sudah mencapai tahap yang lebih tinggi daripada kita dalam proses menguasai ilmu. Faktor sejarah harus diambil kira dalam isu ini. Kalau benar kita belum sampai ke tahap itu, sesuatu mesti dibuat untuk memberi saingan kepada negara yang berkenaan. Satu saingan yang baik ialah kita buktikan yang kita tidak begitu perlukan terjemahan. Kita tunjukkan yang kita mampu kuasai satu ilmu yang sampai dalam bentuknya yang asli. Biar kita jelaskan yang penguasaan bahasa antarabangsa juga penting dalam memajukan sesebuah negara.

Terima kasih kerana membaca.

18. *Peiseh*

November 20, 2011 at 11:35 am

Salam Bahagia Tun,

Apa yang dikomen Tun adalah berwawasan dan jitu kearah pembangunan anak bangsa Malaysia yang berdaya dinamik dan mampu bersaing di arena antarabangsa.

Malaysia masih jauh lagi dibelakang negara-negara maju seperti Jepun dan Jerman dimana masing-masing masih mengekalkan bahasa ibunda mereka sebagai bahasa perantaraan setiap hari. Kenyataan DPM kita bahawa Malaysia patut contohi negara-negara tersebut adalah tidak betul kerana ianya satu bandingan yang tak-sama.

1. Negara-negara tersebut mempunyai adat berdaya siang yang tinggi. Keinginan mereka untuk membuat sesuatu pada tahap yang tinggi adalah tiada bandingannya.
2. Amalan kerja rakyat tersebut adalah terlalu tekun, dan senantiasa berfokus kehadapan.

Makanya, dengan cuma dua asas tersebut, negara tersebut mampu bersaing dan mampu mengekalkan bahasa resmi negara mereka sebagai bahasa perantaraan semasa.

Jadi, Malaysia yang tiada apa-apa sekarang, yang tengah menagihkan ilmu dari luar negara, tidak akan dapat maju jikalau kita masih tidak memberi keutamaan kepada bahasa perantaraan antarabangsa iaitu Inggeris.

Satu lagi negara yang begitu aksyik mengerja ilmu adalah negara Cina. Salah satu diantara keperluan untuk bersaing pada orang-orang muda disana adalah berupaya bertutur bahasa Inggeris. Revolusi ini bermula sejak apabila negara Cina diberi peluang mengganjur sukan Olimpik. Kerajaan memberi khusus pelajaran Inggeris kepada sesiapa sahaja yang berminat mempelajarinya.

Dan syarikat-syarikat swasta yang ingin mengambil pekerja baru perlu mampu bertutur, dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan lancar sebelum diberi pekerjaan.

Dari situlah kebangkitan negara Cina yang sangat mendadak berlaku dan terus bersambungan.

Akan tetapi, para ahli politik kita masih termegah-megah akan bahasa ibunda kita tanpa memikirkan generasi baru kita yang akan menerajui Malaysia suatu hari nanti.

Mereka memberi contoh beberapa nama pengarah GLC yang kononnya sangat berjaya tanpa keperluan untuk menguasai bahasa Inggeris.

Ya, memang betul. GLC memang berjaya, tetapi setakat dalam Malaysia sahaja. Sekali lagi, cuma jaguh kampung sahaja.

Itu pun sedikit sebanyak bergantung kepada bantuan dari Kerajaan. Cuba kita pindahkan GLC tersebut ke arena antarabangsa. Dimanakan kita nanti? Mampukan ahli-ahli koporat GLC tersebut kekal bersaing dengan ahli-ahli koporat diluar itu?

Generasi kita akan terus terbelenggu dan akan terus menjadi jaguh kampung yang megah cuma setakat sepadan kita.

Kita perlukan ilmu. Anak cucu kita perlu disiapkan menghadapi dunia luar yang semakin tidak bersempadan.

salam bahagia Tun

19. [eanisazman](#)

November 20, 2011 at 5:34 am

Salam Tun dan Semua,

Saya seorang Melayu dan dididik dalam bahasa Melayu. Saya mengalami masalah dalam mendalami dan melanjutkan pengajian kerana saya kurang faham bahasa Inggeris sedangkan semua sumber ilmiah dalam perkembangan ilmu ini adalah dalam bahasa Inggeris.

Apabila saya dapat menguasai bahasa ini dengan baik maka saya dapat maju dalam pengajian saya. Kini saya aktif menggunakannya dalam tugas seharian saya. Selain daripada ini, saya menggunakan bahasa Melayu (atau bahasa Malaysia?) dalam urusan seharian terutama dirumah.

Para pejuang bahasa Melayu ingin memartabatkan bahasa ini sebagai bahasa yang dihormati didunia atau sekurang-kurangnya di Asean. Tetapi dengan hanya berpolemik, ini tidak akan dapat dicapai. Untuk mencapainya, bahasa Melayu perlukan sesuatu nilai, sesuatu yang orang lain perlu pelajarinya supaya mendapat manfaat.

Untuk maksud ini, nilai yang perlu digarapkan perlulah lebih dari sekadar semangat nasionalisme ataupun sastera semata mata. Ia perlulah memberi manfaat dalam perkara2 lain terhadap tamadun kemanusiaan contohnya bidang sains, teknologi, pertanian, kewangan, ekonomi dan sebagainya. Berapa banyakkah kertas kajian, penyelidikan, kertas putih ataupun 'white paper' atau sebagainya yang berasal dari bahasa Melayu?

Orang2 tamadun terdahulu tidak mempunyai cara yang lain untuk memperoleh ilmu melainkan menggunakan bahasa pengeluar ilmu itu sendiri. Adakah ianya satu penghinaan kepada bahasa mereka sendiri. Tidak? ilmu sains yang dulu berasal daripada bahasa Arab kini telah beralih sepenuhnya ke dalam bahasa Inggeris.

Jikalau anak Malaysia tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik dan memahami istilah serta makna yang kompleks sesuatu ilmu yang berasal dari bahasa

Inggeris, mereka akan dijamin ketinggalan. Ini ditambah pula akan kekurangan kertas kajian yang diterjemahkan kedalam bahasa Melayu. Ini akan diburukkan lagi dengan kadar kemajuan atau perkembangan pesat sesuatu ilmu itu berbanding dengan keupayaan kita menterjemahkannya kedalam bahasa Melayu.

Jika anak Malaysia dapat menguasai ilmu dengan baik, mereka akan dapat merevolusikan sesuatu ilmu itu kedalam bahasa ibunda mereka sendiri seperti orang2 Jepun dan Rusia. Lama kelamaan, ilmu mereka berkembang pesat sehinggakan orang lain terpaksa mempelajari bahasa mereka untuk menguasai ilmu.

Jikalau kita terus berpolemik tentang bahasa tanpa mengambil penting tentang penguasaan ilmu maka akan sampai satu masa apabila orang2 Melayu sendiri akan meninggalkan bahasa mereka sendiri atas alasan survival ataupun untuk mencapai kemajuan.

20. *allailjamal*

November 20, 2011 at 1:35 am

terima kasih tun
kerana pandangan dan fakta yang tepat

21. *Nikmat*

November 19, 2011 at 4:10 pm

Assalamu'alaikum wr wb
Tuan Guru Dr Mahathir yg diRahmati Allah.

1. PAS lah yang beria-ia benar menolak penggunaan BI dalam Sains dan Matematik kerana ia adalah idea TGDrM.
2. Kononnya dengan menolak PPSMI, PAS boleh mengurangkan pengaruh, populariti serta kehebatan TGDrM dan BN
3. Rupa-rupanya bangsa melayu yang PAS telah jahanamkan, kerana masih tidak mampu menguasai BI.
4. Sudah ada suara yang mahu BI digunakan semula.
5. Apakah kita hendak beri TAHNIAH kepada PAS?
6. Atau TGDrM / BN yang berhak mendapat TAHNIAH dari semua orang Melayu termasuk wnegara bukan Melayu.

Takbir Allahu Akbar!

22. khayrule93

November 19, 2011 at 2:46 pm

1. Bismillahirrahmannirahim
2. Apa yang tun m kata itu saya stuju. Dahulu sy seorang yg kuat menentang PPSMI. Sy menentang bkn sy tdk berstuju. Tp, masa depan anak bangsa melsayu kita yg beralih dari sains ke sastera semata-mata tdk mahu blajar kimia, fizik di dalam term bi yg ternyata lebih susah.
3. Disadvantage didalam sekolah :
 - a. Ramai kalangan pelajar melayu yang fail subjek2 fizik, kimia dan biologi.
 - b. Apabila ramai yg fail maka mereka drop ke sastera dan yg memonopoli kelas sains depan ini semua adlah kaum cina dan india.
 - c. Kesimpulannya, Ramai pelajar melayu tdk brminat dlm klas sains maka lbh ramailah bkn melayu yg akan brjaya dlm sains dn matematik strusnya ramai juga lah saintis Malaysia baru kalangan kaum minoriti.
4. Di perenggan ke 7 tun kata “Kita akan berkata orang Jepun, Korea, Jerman tidak guna Bahasa Inggeris tetapi mereka perlukan pakar bi utk analisis jurnal sains.
5. Iya mmg benar tetapi harus diingat itu semua adalah zaman dahulu dimana penguasaan org kulit putih eropah dalam bidang sains dan ekonomi tetapi kini ia sudah hampir diambil alih oleh China dan Negara-negara Asia yang lain.
6. Adakah lepas itu kita nak belajar bahsa mandarin pulak? Habis tu macm mana dgn pelajar kta yg dah bersiap sedia dgn sains math dlm term bi? Plajar sek ren sek men nk kene tkr dasar plk ke pakai mandarin ke korea ke?
7. Apakah kita mahu menguasai bahsa inggeris kerana beranggapan bahawa kita mahu mengelurakan seberapa banyak cendiakawan sains tapi malangnya sejak dari bangku sekolah lagi ramai anak-anak melayu kita yang sudah kecundang di tengah jalan dan berailh ke sastera?
8. Kesimpulan, kita tak boleh ikut peredaran masa dan dunia. Mereka seperti subjek sains dan math berubah kita perlu jd seperti subjek sejarah yg ferm dan tak berubsah utk bina sejarah dan cipta sejarah.
9. Di perenggn ke 8 tun kata “Mustahil mereka boleh memahami makna sesuatu perkataan atau sesuatu proses atau fungsi jika mereka tidak faham secara menyeluruh ayat bahkan rencana berkenaan” Dengan mengambil contoh perakataan nano.
10. Pada pendapat saya untuk memahami satu maksud kita tak perlu sebenarnya untuk menukarkan keseluruhan carabelajar sains dan matematik secara TOTAL. Cadangan saya hanay dengan mengukuhkan perbendaharan Bahasa Inggeris dalam subjek BI.
11. Caranya :
 - a. Kita memantapkan lagi pembelajaran dan silibus didalam subjek bahasa inggeris. Itu sahaja tanpa perlu kita mengorbankan 2 subjek penting anak-anak melayu kita.
12. Di perenggan ke 9 tun kata “Orang Arab dahulu mempelajari Bahasa Yunani (Greek) untuk menguasai ilmu yang diterokai oleh orang Greek. Ilmu orang

Greek tidak banyak dan akhirnya ilmu mereka diterjemah sepenuhnya kepada Bahasa Arab. Untuk mengalih bahasa mereka perlu faham bahasa Greek”

13. Baiklah saya memang bersetuju sangat statement tersebut, Memang benar Arab belajar dari greek akhirnya pada zaman khalifah harun al-rasyid mereka sangat maju dalam bidang keseusteraan dan sains.

14. Tun.. pada saya lah jika kita mahu menterjemahkan buku sains dari bi ke bm kita hanya perlu PAKAR BAHASA DALAM BAHASA INGGERIS. Itu sudah memadai.

15. Antara lain:

a. Usahakan agar bahasa melayu diikjadikan bahasa Lingua Franca seperti zaman Melaka. Terima kasih pada Tan Sri Muhyiddin dan Dato sri Rais Yatim kerana sudah masuk perundgan untuk jadikan Bahsa melayu sebagai bahasa ASEAN. Nampak disini kita sudah membina tapak bermakna seluruh wilayah ASEAN kita boleh menyeru mereka belajar bahsa melayu. Mungkin selepas ini ASIA dan seterusnya DUNIA.

b. Dulu ada kata kalau kita nak jadikan bm lingua franca kita perlu kuasai bahasa mereka seterusnya terjemah semua buku ilmu pada bm. Tp,itu lambat dan sekrang cara baru adalah terus masuk dalam persidanagn dan perundangan.

c. Jadi,masa ini tak pelu lagi dah bahasa inggeris.

16. Di perenggan ke 10 tun kata ” Lepas itu orang Arab menambah kepada ilmu ini melalui kajian mereka dalam bahasa mereka. Dalam jangkamasa seribu tahun, orang Arab berupaya dan dapat membuat kajian dan menambah kepada sains yang diperolehi dari orang Greek dan membukukannya.”

17. Kita buat cara kita caranya:

a. Pertama lahirkan pakar bi dan push mereka ke institute terjemah Negara. Dalam masa sama pakar sains kita belajar sains sperti biasa dengan buku terjemahan ke dalam bi.

b. Kedua,di pihak kementerian usahakan bm jd bahasa ASEAN,ASIA,AFRIKA,ARAB dan akhir sekali DUNIA.

c. Kemudian,apabila Institut Terjemah Negara Berjaya,Pakar Sains Berjaya dengan belajar dari buku terjemahan dan Kementerian Berjaya dengan dasar mereka.

d. Maka,ketika itu berserulah kita dengan BAHASA MELAYU tanpa menunggu jangka masa 1000 tahun sperti orang Arab!

18. Sebab itulah mengapa saya kata PPSMI tak relevan. Bahasa Inggeris penting tetapi tidak teramat penting dan yang paling penting adalah pengetahuan tidak kira dari mana ia diperolehi.

19. Terima Kasih saya ucapkan pada Tun kerana membuka lembaran baru terhadap BAHASA kepada AKADEMIK.

20. SEKIAN..

HARAP TUN MAHATHIR DAPAT RESPONS. SETUJU ATAU TAK. SAYA OPEN JEE,.. ASSALAM TUN.

23. *Duyam1968*

November 19, 2011 at 1:16 pm

Salam

JB_From,

Seperti yang saya katakan dari awal lagi, saya tidak menyebelahi mana-mana pihak.

Cuma kita fikirkan. Adakah saudara/saudari merasakan sistem pendidikan yang lepas (mendapat pendidikan dalam bahasa Malaysia/Melayu) telah gagal? Jika gagal, maka tiadalah CEOs yang ada sekarang memegang tampok di GLC dan professor-professor yang bijak pandai meneraju penyelidikan dan universiti. Ataupun dengan bersistem pendidikan keseluruhannya dalam bahasa Inggeris (seperti sebelum dan beberapa tahun selepas merdeka), kita telah melahirkan ribuan saintis dan bijak pandai?

Sistem pendidikan kita bukannya gagal tetapi perlukan pembaharuan dari segi kaedah kendaliannya. Adakah bahasa menjadi isu utama? Adakah gagalnya sistem pendidikan sesuatu negara disebabkan bahasa? Adakah menjadi bahasa penghantar bahasa Inggeris maka negara tersebut maju? Saya tidak menafikan mempelajari bahasa lain ada faedahnya dan penting kalau kita hendak maju dalam bidang tertentu tetapi jangan kita lupa akan jati diri kita. Kita jangan tersalah memberi fokus atau tersalah memilih cara untuk memajukan diri kita. Banyak faktor lain yang perlu difikirkan. Dikuatiri akan timbul jurang kemasyarakatan di Malaysia nanti.

Kalau kita hendak lonjakan awal, kita boleh menguasai bahasa Inggeris dengan banyak cara. Kita perlu baikpulih cara pembelajaran bahasa Inggeris. Saya masih ingat bagaimana guru dari Australia mengajar saya bahasa Inggeris, Bukan dengan mefokuskan kepada tatabahasa (grammar) sahaja, tetapi dengan berkomunikasi dua hala, menggunakan alat media, menonton video muzik atau cerita, mendengar muzik dan banyak lagi.

Cuba kita lihat realiti sekarang. Graduan bukan saja tidak dapat menguasai bahasa Inggeris malahan bahasa Melayu. Saya sebagai majikan kadang-kadang malu dengan graduan sekarang. Bukan saja tidak dapat mengeluarkan laporan dalam bahasa Inggeris malahan dalam bahasa Melayu pun huru-hara. Bahasa Melayu pun berpaksi kepada SMS dan rojak. Cuba fikirkan....

Wasalam

Wasalam.

24. *Oranglama*

November 19, 2011 at 12:13 pm

Salam,

****Untuk Pejuang Bahasa*****

Kita hidup di dunia untuk akhirat. Orang putih zaman dulu kata "Living for Tomorrow"

Tujuan utama memperjuangkan bahasa Melayu ialah mempertahankan dan mengembangkan kebudayaan Melayu dan juga integrasi nasional yang berasaskan Islam. Adakah dengan menghapuskan PPSMI ini satu agenda utama untuk mencapai tujuan yang disebutkan ini? Tiadakah cara lain? Sekolah Aliran Cina dan Tamil bagaimana?

****Untuk Kementerian Pelajaran*****

Sekiranya alasan Kementerian hendak menghapuskan PPSMI kerana ramai pelajar tidak boleh memahami Sains kerana berpunca Bahasa Inggeris maka :

1. Kementerian Pelajaran telah gagal memberi asas Bahasa Inggeris yang minima untuk pelajar memahami Sains. Ini juga secara tidak langsung bermaksud Kementerian mengakui Guru-guru Sains yang dilantik kementerian tidak berkualiti. Juga mungkin bermaksud guru-guru maktab dan Universiti adalah tidak berkebolehan. Adakah ini benar?

Perlu diingat yang dipertikaikan disini ialah istilah, bukannya penggunaan Bahasa Inggeris dengan tatabahasa yang betul.

Istilah-istilah Sains ini kebanyakannya adalah perkataan baharu bagi pelajar, kenapa tak terus gunakan istilah Inggeris daripada menterjemahkan dalam Bahasa Malaysia?

2. Pihak Kementerian Pelajaran tidak memberi contoh yang baik kepada anak-anak kerana cuba menyelesaikan masalah dengan cari jalan pintas. Masalah perlu dihadapi, jangan lari dari masalah. Sekiranya, pelajar bermasalah pembelajaran, tugas guru menyelesaikan masalahnya. Sekiranya guru bermasalah, tugas guru besar menyelesaikan masalahnya, dan seterusnya kepada peringkat tertinggi. Setiap manusia ada tanggungjawab masing2.

****Kesan jangkapanjang kepada pendidikan anak2****

Pelajar sekolah yang tidak didedahkan dari awal masalah akan sukar berjaya bila besar kelak. Saya sendiri dah lalui perkara ini dengan anak saya. Ibubapa tak boleh ikut cakap anak sangat, nanti rosak dia!!!! Jika dia bermasalah buat sesuatu, jumpa cikgu dia!!! Kalau cikgu dia pun bermasalah, kalau ada duit cari cikgu tuisyen, kalau tak ada duit minta tolong hamba Allah yang lain yang ada sifat belas kasihan. Malangnya kita orang Melayu banyak bercakap kurang melaksanakan, termasuk orang UMNO dan orang PAS. Yang PAS lagi banyak bercakap lagi kot!!! Jangan marah ye, bergourau sikit.

Nanti apa yang dibimbangkan generasi muda kita lemah segalanya. Bila diseru untuk berjihad mempertahankan tanah air kalau ada peluang ramai terus cabut lari ke negara lain. Kita doakan negara kita tidak seperti Palestin, Bosnia, Iraq, Afghanistan, dll.

Bila kahwin, ada masalah terus nak bercerai. Main bola terlepas gol sekali, bolos berkali2. Bekerja jika tidak naik pangkat, maka terus patah semangat. Jangan pula yang naik pangkat, bertambah naik nafsu pula!!

Ada banyak lagi nanti kesan marah pula pegawai Kementerian Pelajaran. Tetapi niat saya untuk kebaikan semua

Ingatlah ayat 5-8, Al-Insyirah

يُسِّرًا مَعَ الْعُسْرِ فَإِنَّ

Kerana sesungguhnya bersama kesulitan itu ada kemudahan,

يُسِّرًا مَعَ إِنَّ

sesungguhnya bersama kesulitan itu ada kemudahan.

فَأَنْصَبْ فَرَّغْتَ فَإِذَا

Maka apabila kamu telah selesai (dari sesuatu urusan), kerjakanlah dengan sungguh-sungguh (urusan) yang lain,

فَارْغَبْ رَبَّكَ وَإِلَى

dan hanya kepada Tuhanmulah hendaknya kamu berharap.

Yang dah berjaya ada yang kata depa boleh berjaya lulus ijazah luar negara walaupun belajar Sains aliran Melayu

Masalanya ialah berkaitan dengan sikap. Depa ini kalau pi belajar Bahasa Jepun, Jerman atau Korea pun depa boleh kerana depa nak sangat sesuatu dan juga bertuah mendapat peluang berbuat demikian. Kalau depa belajar Sains dalam aliran Bahasa Inggeris masa depa sekolah dulu pun InsyaAllah depa boleh buat. Apa yang perlu depa lakukan sekarang ialah bersyukur kepada Allah Ta'ala kerana diberi nikmat melanjut pelajaran ke luar negara sehingga fasih berbahasa Inggeris. Nikmat diberi itu harus dibalas dengan mencurahkan bakti kepada golongan kurang ber"tuah" seperti depa.

Untuk makluman saya kenal beberapa pensyarah lulusan UKM mengaji Master & PhD luar negara cakap orang putih sampai sekarang pun duk macam budak sekolah rendah. Bukan saya nak perli depa, atau pun nak kata Bahasa Inggeris itu hebat. Depa tak berusaha bersungguh2 nak baiki tahap penguasaan Bahasa Inggeris mungkin ada sebab, misalnya nak buat apa depa bukan pensyarah Bahasa tetapi Pensyarah Sains. Saya juga pernah berjumpa dengan Pensyarah yang cakap orang putih dengan tahap yang tinggi tetapi isinya kosong saja!!! Ini pun bermasalah juga.

Isunya ialah Pensyarah lain dan anak murid itu lain. Bukan semua anak murid dapat peluang jadi Pensyarah. Ada yang kerja jurutera, juruteknik, foreman, kerani, dan lain-lain di swasta. Penggunaan istilah bahasa Inggeris dalam Sains dan Kejuruteraan dalam swasta boleh dikatakan 100 peratus! tak percaya pi tanya orang kerja kilang. depa tak panggil pemutar skru, depa panggil screwdriver. depa tak panggil kotak fuis seperti belajar di sekolah aliran Melayu, tetapi depa panggil fusebox. Malahan pekerja buruh Indonesia lebih kenali memahami "tiles" daripada jubin!!!! Sunnguh memalukan jika budak buruh Indonesia kenal apa dia "stopcock" tetapi lulusan IPTA tak tahu apa benda stopcock itu kerana tiada istilah Bahasa Malaysia yang diperkenalkan kepada dia dari kecil sampai bergraduat!!! Cerita pasai lulusan IPTA ini, ada pelajar kejuruteraan elektrik IPTA nak buka atau pasang 3 pin plug pun tak tahu. Basic concept of earth ground pun tak faham. Macam ini sia-sia saja hang pa belajar kat Universiti!!!! Mungkin pensyarah depa tak kesempatan masa nak ajar atau pun duk ingat depa dah tahu sendiri. Yang ini lah penting sangat budak2 kita ini guna Internet untuk menambah ilmu bukan duk buang masa

berpolitik kepartian. Bahan internet untuk Sains dan Kejuruteraan kebanyakan dalam Bahasa Inggeris .

Akhir sekali, tanyalah budak2 yang telah lalui PPSMI? Adakah depa lagi suka PPSMI atau Sains dan Aliran Melayu

Cuba tanya seberapa banyak pelajar yang telah lalui program PPSMI, juga tanya majikan depa, pensyarah2 depa aakah elok PPSMI diteruskan?

Sekali lagi saya ingin mencadangkan, pihak Kementerian harus memberi opsyen kepada ibubapa memilih aliran Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris. Tak perlu nak gaduh2, tak perlu nak bising2 lagi. Boleh balik semula keadaan aman tenteram untuk pihak Kemneterian dan ibubapa.

25. *mutley*

November 19, 2011 at 11:40 am

Dear Tun,

I am now 61 years old. I am a product Special Malay Medium in a remote village English School in Kelantan(Ulu). I thanked my father although cannot speak a word of English sent me to English medium school. Those days of low tech, everybody rushed to learn English. As I was young too busy acquiring knowledge I was not sensitive to Government policies what more politics. Born and partially raised in a state where children of my age went to Arabic School which I went too in the afternoon. On hind sight, those days we mix freely and we want to pass our English because we want to communicate and read English books which were in abundance and easily available. We did not bother much about language and race. We were so focus to master English because we believed that was and is door to personal development. In my opinion one way to solve this problem is reintroduce English Medium school and no more other school promoting their native languages. If we cannot unite our people with Bahasa Malaysia, Mandarin and Tamil I suggest we use English like India, Singapore to unite our people. In long run, we save money and produce internationally ready graduate. Win win and happy happy for everybody. We cannot afford to be too emotional. We have to face past,current and future realities.No quarrellings and focus on nation building.

26. *aconite*

November 18, 2011 at 3:00 pm

salam semua.

Saya berpendapat belajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Melayu adalah sangat tepat.

27. *m_ss*

November 18, 2011 at 12:43 pm

Flip-flopping again.. this is frustrating.

Tun, it would be helpful if you could share any blueprint/data obtain from PPSMI policy or pilot project. (if its under OSA then no need la).

28. *Deevajie*

November 18, 2011 at 12:28 pm

I understand vr well wht u mean Tun...because im a science student tht hv to struggle very hard in University....bcoz my mother tounge is nt english...n all this while.....all sc information is limited in malay translation or nt accurate...or nt enough vocabulary in malay to be translate.

But people out thr tht nt study pure sc bt mk noise abt something tht they don undestnd...it nt worth to b entertained. They dont even study sc like us....they donno wht is the need n problems tht we r facing....

To be a higher income country by 2020...we mst hv a huge man power n experts tht cn contribute to local product whre cn b sell internationally....

We don hv time.....or we r going to b leave behind....

In my opinion.....we shld focus on pure sc student first in school...mrsn or sc school to learn sc in english.....they are the potential expert thn will help to built this beloved country.....

Once they success.....only then the rest will understand....plz manage all this talented young generation.....

Meanwhile.....for the bahasa melayu fighters.....encourage them to learn how to traslate sc article or refference with high accuracy.....n plzzzz write more reading materials tht really good.....tht cn penetrate the MPH or hits others popular book store....
Ok.....happy everyboday???

29. *pakpandir08*

November 18, 2011 at 8:43 am

20 tahun yang lalu tak buat betul-betul nak salahkan siapa?

30. *HBT456*

November 18, 2011 at 8:41 am

Good morning YAB Tun,

1. Comment by macha plain.N.simple on November 16, 2011 at 9:29 pm in all honesty, he is confused but, with all due respect... he has definitely lost it!
2. It could be the fact that he has never accept and respect his race due to the past dictatorship rendered on his great grand parents in his country of origin.
3. But to majority of our Malaysian parents, we are clear of what we want for our children to achieve in life being when we made the choice to get them educated in Sekolah Jenis Kebangsaan fund by the Federal Government regulate by MOE.
4. For today's young Malaysians guided by their parents, they have the choice to work for Federal Government, State Governments, GLCs, MNCs (Multi National Corporations), International Corporations or self-employed entrepreneurs upon graduation.
5. Once they have chosen what type of the careers that they want to excel in, they will know what to do.
6. Whether they can do well, it will depend on their working attitudes.
7. To vision our future is easy.
8. To make vision alive and happening is another issue.
9. I see Tun Dr M have laid the vision as the Prime Ministers so that we can further excel ourselves in era post globalization.
10. Ilmu is knowledge of Sciences that can be learn regardless of age.
11. Bahasa Malaysia adalah Bahasa yang telah menyatupadukan semua bahasa jiwa longhat or dialects kami selepas Mei 13, 1969.
12. In Malaysia, our Federal Government has the absolute authority elected by the people to send our qualified Malaysians into space via space crafts USA, Russia or China technology to see and feel the universe so that they can educate our young ones through their real life experiences in further improve our Pusat Sains Negara for the schools owned by Federal Government.
13. The private schools are welcome to Pusat Sains Negara if they want to have this National Science Centre facility fund (bukan subsidy lah) by the Federal Government.
14. MOE has laid the improved Education National Plan for Malaysians today according to the data and statistics collected by them.

15. Whether our people can accept this improved formula II willingly, it is the responsibilities of our political party leaders and their owned media to decide whether Malaysians are ready to abolish quota system agreed by them politically and economically behind closed door.

16. The choice is in the Prime Minister's hand.

Good day, YAB Tun.

31. [Botak](#)

November 18, 2011 at 12:21 am

PERLU PELAJARI BAHASA SESUATU KAUM
SEBELUM PELAJARI ILMUNYA.
BAHASA ENGLISH TERNYATA BAHASA ILMU SEDUNIA.
BUKAN KITA MENGENEPIKAN BAHASA IBUDA, HANYA
KITA PERLU BELAJAR DARI YG BERILMU,
BAIK DARI MANA KAUM NYA.

MUNGKIN ADA BAIK MALAYSIA MEMBAWA
GURU GURU MELAYU, YG BERILMU DARI SINGAPURA
YG MANA MEREKA FASIH BAHASA ENGLISH, DAN ,
MEREKA PUN DI TINDAS DISANA DISAMPIN GURU DARI DUNIA
LUAR, UNTUK MENGAJAR ANAK ANAK KITA.

GURU MELAYU KITA KURANG YG FASIH BAHASA ENGLISH.
MUNGKIN DENGAN PACKAGE KITA DAPAT MEMBUAHKAN KEBAIKAN
BERSAMA.

32. [Nikmat](#)

November 17, 2011 at 11:56 pm

Salam
Tuan Guru Dr Mahathir yang di Rahmati Allah

1. Ramai orang telah mula sedar akan kebenaran TGDrM.
2. Jom ramai-ramai pulak kita tolak politik PAS/Pembangkang yang sentiasa jahat dan kotor.
3. Punahlah PAS/Pembangkang.

Takbir..... AllahuAkbar!

33. *cakkuncak*

November 17, 2011 at 7:07 pm

YB Tun,

Sebanyak mana pun kita berdebat dan menyatakan fakta dari orang awam, ibu bapa, pelajar malah dari Tun sendiri yang telah memimpin negara Malaysia bertuah ini selama 22 tahun, masih tetap mereka (kerajaan) berdegil.

Apakah sebab saya mengatakan demikian?

1. Mereka telah membuat kesilapan kerana hanya menjadi YES MAN semasa keputusan untuk 'berpatah balik' di buat oleh kerajaan di bawah pimpinan Tun Abdullah – justeru sekarang mereka ini terlalu 'ego' untuk mengakui kesilapan mereka pada ketika itu. Malangnya yang menjadi mangsa ialah masa depan Malaysia dan rakyatnya.

Apa yang mereka (kerajaan) perlu buat tersangat mudah – iaitu mengaku akan kesilapan mereka, tetapi hakikatnya Tun pegawai-pegawai Kementerian negara kita ni kebanyakan tiada kualiti dan degil tak kena pada tempatnya.

2. Sudah tiba masanya kerajaan betul-betul merombak struktur perkhidmatan awam dan dengan ikhlas ingin mengubah cara pemikiran kakitangan awam.

34. *Tuntuah*

November 17, 2011 at 5:06 pm

Andrewtay85.

Thank you for your comments.

1. I am a malay and always want the easy way out. you dont want? dont cheat yourselves.
2. I am not a good father? are you sure? please read again my post. 2 daughters, remember.
3. so i have been seen in both world. a) good command of english b) poor command of english. So i saw the difficulties.
4. Do you think my eldest daugther have a good command of english immediately after she was born? Come on. be real.
5. by doing ppsmi in primary school, somebody can be a rocket scientist? Calculus is a standard syllabus in our primary school? be real again.
6. Without PPSMI in primary school, malaysian still can be rocket scientist.
6. I am very concern that your child may not be good in Bahasa Malaysia, then you opt for ppsmi. i understand that. Bahasa Malaysia is not your mother tongue. but shame on you since u said you are malaysian.
7. be real, malaysian. PPSMI for primary school, for me is an extra burden to the children.

8. From the age of 7 to 12, if our children understand what they have learn, they will have a bright future. with ppsmi, they are struggling. why you want your children to struggle at this very young age?
9. Why you so worried if PPSMI not in primary school? you can do it in secondary school which the children have less burden to understand english.
10. what you going to learn in universities, basically the syllabus in form 4 and 5 and advance. If your children do not know tambah (addition), tolak (substraction), bahagi (divide) and darab (multiply) in form one, yes, your are in big trouble because your children are stupid.
11. need i say more? forget ppsmi in primary school. no harm done.

35. *mubarakchan*

November 17, 2011 at 1:20 pm

Tun

English is important in the understanding of Science and Mathematics in the conventional manner but also it opens up the world of the Net to students who might not be academically inclined to be a professional like a doctor, lawyer, accountant, engineer etc. For sometime now, I am of the opinion that a student given a normal intellect can do very well in any business of his/her undertaking via the Net. A good Form 5 and Form 6 with an English background may launch the prospective candidate to do business etc via the Net.

If this opportunity is supported and encouraged by the Government, we may add many, many more aspiring young students to another important route to their eventual success in life and earning power – the unconventional way !

In my time, there were very few subjects which were available after we passed our Cambridge University Syndicate examinations. The universities were not keen to admit students as most of them were very small with a limited curriculum and budget. The entry standards were set very high. Many students failed to gain entry or failed in the examinations. However, times have changed and the universities now provide a wide ranging curriculum of many subjects and knowledge to those who seek it. There is no such thing as failing a university examination these days.

Given the current situation, a keen student armed with a knowledge of the English language can by-pass the university unless he/she intends to be a professional. Otherwise, I see it is a waste of time and money to embark on studies which are non-professional and the university is treated like a social club.

In other words, a student interested to do business may participate in this as early as after his/her Form 6 examination on their own with a proficient knowledge of the English language.

This is the world in which Malaysia, a strategic and important country, exists today – to avoid the label of a ‘ hermit country ‘ and provide a new route and helping hand for those who are not professionally inclined but proficient in the English language.

It is sad to see that some Netizens because of their poor command of English could only

expressed their frustrations and anger by the use of 4 letter Anglo-Saxon words from Beowulf ! I do not know whether to laugh or cry !

36. *JB_FROM*

November 17, 2011 at 12:01 pm

Saudara Duyam,

Saudara menyokong pembatalan PPSMI dan saudara pernah belajar di UK.

Saudara belajar di UK dalam bahasa Inggeris dan sumber rujukan juga dalam bahasa Inggeris.

Kalau saudara cuba ingat kembali, di perpustakaan awam (bukan perpustakaan di University) di UK, jumlah buku yang ada begitu banyak sekali. Kalau kita hendak bandingkan dengan perpustakaan awam di Malaysia, begitu jauh beza sekali.

Kalau saudara cuba ingat semula, berapa ramai orang yang kunjung di perpustakaan di UK. Kemudian saudara boleh kunjung ke perpustakaan awam di negara kita dan bandingkan.

Satu hal lagi, di waktu zaman belajar saudara iaitu sekitar zaman 80'an, tidak ada world wide web (www). Sekarang ini kesemua matapelajaran sains, fizik, biology, kimia, matematik, perdagangan semuanya ada dalam website. Tetapi dalam bahasa inggeris.

Apakah sebabnya pelajar sekolah tidak boleh "jump start" untuk menguasai bahasa inggeris lebih awal dan dengan itu dapat ilmu yang bersumberkan bahasa inggeris lebih awal? Perlukah budak sekolah menunggu sehingga masuk universiti barulah dapat menguasai sumber ilmu dalam bahasa inggeris?

Apakah budak sekolah tidak cukup umur untuk menguasai dua bahasa?

Mengapa budak-budak keturunan cina dan india dapat menguasai 3 bahasa, (bahasa asal, melayu dan inggeris) dan budak melayu hanya boleh satu bahasa?

Sekiranya diadakan referendum, adakah saudara pasti, majoriti menentang PPSMI. Saya tidak begitu yakin.

37. *Radzian*

November 17, 2011 at 10:12 am

Memang benar artikel Tun.

Mungkin masalahnya yang lepas pada implementation. Sains dan Matematik di dalam Bahasa Inggeris adalah hasrat murni, tetapi pada masa yang sama saya berpendapat

pelajar pada Tahun Satu tidak bersedia untuk belajar Sains dan Matematik di dalam bahasa Inggeris. Ini berdasarkan pengamatan saya kepada kurikulum pelajaran anak saya sendiri yang hadir pada Tahun 1.

Saya meneliti buku bahasa Inggeris dan mencari isi kandungan yang mempunyai nilai. Malangnya, pada tahun 1, perkara asas seperti “singular” dan “plural” tidak di definasi di dalam buku, walau pun penggunaan grammar telah mula dilaksanakan. Saya mengandaikan – mungkin buku direka untuk merangkum pelajar yang masih lemah. Tetapi perkara asas perlu di definasikan agar ibu bapa dapat menilai sejauh mana keberkesanan pelajaran tersebut.

Matematik dan Sains di dalam bahasa Inggeris adalah perlu di peringkat pelajaran tertinggi. Objective utama adalah menjadi bangsa berinnovative. Objective kedua adalah menaik taraf ranking universiti di taraf dunia. Tanpa bahasa Inggeris, pengiktirafan kepada universiti Malaysia mungkin merosot dan inovasi rakyat Malaysia pada tahap rendah.

Dan indikasi awal bangsa inovatif adalah indikasi ranking universiti yang boleh menyediakan graduan yang mampu membina idea dan inovasi sendiri.

Di dalam Elsevier Asia Special Report ,

<http://editorsupdate.elsevier.com/2011/09/the-rise-of-asia-a-research-profile/>

di segi kuantiti pengeluaran article, dari tahun 2006 – 2010 Malaysia telah menambah kuantiti pengeluaran sehingga menyaingi Singapura pada tahun 2010. Namun masih lagi rendah , sekiranya dibandingkan dengan China dan Amerika Syarikat. Antara sebab yang Elsevier berikan adalah insentif yang diberi oleh Universiti kepada pensyarah. Sebab kedua yang saya andaikan, terdapat ramai juga pensyarah terkenal luar negara yang menjaya di tarik ke universiti Malaysia seperti di Universiti Malaya.

Dari segi kualiti (diukur melalui citation/ published paper), masih lagi rendah, lebih rendah daripada Bangladesh.

Masalah pertama untuk menaikkan kualiti adalah masalah Bahasa Inggeris. Mungkin secara ringkasnya, sekiranya pembaca tidak memahami artikel yang ditulis, maka mungkin pembaca tidak akan cite article tersebut.

Untuk menaikkan taraf bahasa Inggeris , saya mempunyai dua observation:

Di dalam kes Jepun, para pelajar sarjana muda di minta untuk menterjemah kertas journal daripada bahasa Inggeris ke dalam bahasa Jepun secara berkumpulan.

Di dalam kes China, para pelajar China yang memberikan oral presentation di International Conference mempunyai kemahiran bahasa Inggeris yang amat tinggi, malah boleh saya nyatakan at least at par with Malaysia.

China dan Jepun juga banyak mengeluarkan artikel-artikel di dalam Bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris memang penting, walau pun tidak sepenting bahasa Kebangsaan. Tetapi untuk bahasa kebangsaan menjadi bahasa lingua franca di dunia, penguasaan bahasa

Inggeris adalah perlu. Tidak ada satu negara yang boleh memaksa negara lain menggunakan bahasanya sekiranya mereka tidak boleh menunjukkan nilai kepada negara lain mengenai kepentingan bahasa mereka. Tidak ramai sarjana Eropah yang akan mempelajari bahasa Arab sekiranya Eropah tidak mengalami dark age dan Arab mengalami golden age dan tidak ramai sarjana Arab mempelajari bahasa Parsi dan Greek sekiranya , bahasa Parsi dan Greek tidak bernilai kepada mereka.

Jadi sekiranya kita ingin memartabatkan Bahasa Malaysia di seluruh dunia, secara asasnya kita harus menunjukkan nilai Bahasa Malaysia di mata dunia, malangnya pada hari ini kita terpaksa mempelajari Bahasa Inggeris dengan lebih baik kerana kelemahan pada hari ini adalah kekurangan kualiti (citation) dan kuantiti artikel di dalam Bahasa Inggeris yang ditulis seperti di Elsevier report. Sekiranya, ranking universiti Malaysia naik di seluruh dunia, maka ramai sarjana masyur luar negara dengan rela hati mempelajari dan menggunakan bahasa Malaysia semata-mata kerana nilai yang ada pada Malaysia sendiri.

Perkara ini tidak mustahil. Bahasa Melayu pernah menjadi lingua franca di rantau ini. Ini hanya terjadi apabila Melaka menjadi pusat dagangan rebutan yang menunjukkan nilai kita sendiri. Adakah kita mempunyai pilihan lain selain daripada penguasaan ilmu pada hari ini ?

38. *Idea*

November 17, 2011 at 7:53 am

Pembetulan

16. Dalam hal ini, mungkin pembangkang akan menyuarakan bantahan. Kerajaan perlu mengambil inisiatif memberi kefahaman kepada rakyat sebelum melaksanakan perkara ini. Kegagalan memberi kefahaman kepada rakyat mungkin boleh memberi kesan terhadap sokongan kepada kerajaan.

39. *Idea*

November 17, 2011 at 7:37 am

Yang Amat Berbahagia Tun,

Semoga berada dalam keadaan sihat sejahtera.

1. Saya bersetuju sepenuhnya dengan apa yang telah dijelaskan.
2. Sungguhpun begitu, kita perlu mengambil kira bahawa asas Bahasa Inggeris perlu ada pada setiap pelajar. Pengenalan dan pemantapan Bahasa Inggeris perlu dilaksanakan secara intensif di peringkat sekolah rendah; tanpa PPSMI. Setelah kira-kira 6 tahun, iaitu setelah kanak-kanak sekolah rendah mendapat pendedahan intensif Bahasa Inggeris dari

Tahun 1 hingga Tahun 6, PPSMI dilaksanakan di peringkat sekolah menengah. Dengan ini, mereka lebih bersedia mempelajari Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.

3. Guru juga perlu mahir dalam Bahasa Inggeris.

4. Sekiranya PPSMI hendak dilaksanakan di peringkat sekolah rendah, kanak-kanak perlu mendapat pengenalan dan pementapan Bahasa Inggeris di peringkat tadika dan di rumah. Pada masa ini, tidak ramai kanak-kanak Malaysia yang mendapat pendedahan sebegitu. Mungkin ramai di bandar tetapi secara keseluruhannya bilangan tersebut adalah sedikit. Bahkan, ramai ibu bapa di Malaysia masih tidak mempunyai kemahiran berbahasa Inggeris. Mereka tidak dapat memberi pendedahan kepada anak-anak mereka di rumah.

5. Namun begitu, sesetengah keluarga yang berkepentingan bersungguh-sungguh ingin mempercepatkan pelaksanaan PPSMI. Anak-anak mereka yang telah mendapat pendedahan awal Bahasa Inggeris tidak menghadapi kesukaran dengan PPSMI. Mereka jauh meninggalkan pelajar-pelajar lain dari segi markah peperiksaan. Dengan ini, peluang mereka untuk mendapat biasiswa, mendapat tempat di universiti ataupun mendapat tempat di sekolah berasrama penuh menjadi lebih cerah. Keluarga ini seterusnya akan melaung-laungkan isu meritokrasi.

6. Buat masa terdekat ini, eloklah jika Dewan Bahasa & Pustaka terus menyerap terma-terma sains dan matematik tanpa membuat perubahan. Ini sedikit sebanyak boleh membantu kanak-kanak sekolah pada masa akan datang.

Jurnal Universiti

7. Banyak jurnal dihasilkan oleh universiti-universiti tempatan. Malangnya, tidak ramai yang dapat membaca jurnal tersebut. Mungkin kerana universiti-universiti ini menganggap jurnal-jurnal tersebut sebagai harta intelek. Mereka mengikut langkah universiti-universiti asing.

8. Jurnal-jurnal yang dihasilkan dalam bahasa Malaysia sebenarnya perlu didedahkan kepada umum. Dengan ini, masyarakat Malaysia dapat menimba pengetahuan dengan lebih cepat. Mereka yang tidak mampu memasuki universiti juga boleh mendapat pengetahuan sekiranya mereka rajin membaca jurnal-jurnal dalam bidang yang mereka minati. Ini juga akan menarik minat masyarakat luar negara untuk mempelajari Bahasa Malaysia.

Pos Malaysia

9. Tidak lama dahulu ramai yang mempertikaikan kenaikan harga setem. Bimbang dengan kekurangan sokongan politik, kerajaan berhati-hati menangani isu ini.

10. Tujuan kerajaan mengawal harga setem sebenarnya ialah untuk mendapatkan kesan limpahan dari penggunaan khidmat pos. Dengan penggunaan khidmat tersebut:

- pasaran luar bandar berkembang (syarikat pengiklanan & majalah dapat menghantar cetakan mereka ke luar bandar dengan mudah dan murah)

- pekerjaan bertambah (sejajar dengan perkembangan perniagaan)

- rakyat mendapat lebih pengetahuan (dengan bertukar-tukar maklumat melalui pos)

- syarikat-syarikat dapat mengetahui pasaran dengan lebih mendalam dengan membuat soal selidik melalui pos dan seterusnya menghasilkan produk sesuai dengan kehendak dan cita rasa pengguna

11. Kesemua kesan di atas akan meningkatkan hasil cukai kerajaan; baik dari cukai pendapatan mahupun dari cukai perniagaan.

12. Tetapi kini zaman telah berubah. Sudah ada cara lain yang menghasilkan kesan-kesan limpahan tersebut seperti penggunaan internet dan telefon bimbit. Kebanyakan masyarakat luar bandar juga dapat menikmati teknologi-teknologi ini. Walhal, penggunaan khidmat pos semakin berkurangan.

13. Sudah tiba masanya untuk kerajaan tidak mengawal harga setem bagi surat-surat. Pos Malaysia tentunya berasa gembira kerana mereka akan dapat menentukan harga setem sesuai dengan pendapatan yang mereka kehendaki. Tetapi, mereka perlu beringat bahawa sekiranya harga setem sangat mahal, ramai yang berpindah kepada kaedah perhubungan lain. Tidak seperti dahulu, khidmat pos bagi surat-menyurat kini mempunyai saingan yang hebat.

14. Kerajaan kini harus bertukar kaedah. Mereka tidak perlu lagi mengawal harga setem. Sebaliknya, mereka hanya perlu menentukan golongan mana yang masih memerlukan bantuan setem.

15. Saya khuatir sekiranya pihak pengurusan Pos Malaysia tersilap langkah, mereka akan mengalami kerugian besar. Mereka kemudiannya akan berjumpa dengan kerajaan untuk mendapatkan bantuan. Ini adalah tidak begitu baik. Oleh yang demikian, bagi memastikan pasaran yang sihat, struktur Pos Malaysia perlu dipecahkan kepada satu syarikat infrastruktur pos (postal infrastructure) dan beberapa syarikat khidmat pos (postal services) untuk bersaing.

16. Dalam hal ini, mungkin pembangkang akan menyuarakan bantahan. Kerajaan perlu mengambil inisiatif memberi kefahaman kepada rakyat sebelum melaksanakan perkara ini. Kegagalan memberi kefahaman kepada rakyat mungkin boleh memberi kesan terhadap bilangan undi pada pilihan raya akan datang.

40. *dtan*

November 17, 2011 at 4:13 am

Tun,

Dalam topik ini. Apakah Tun cakap memang benar. Hisab dan Sains Teknologi se-orang mestilah fasir Bahasa Inggeris untuk memfaham dan membena ilmu Hisab dan Sains Teknologi. Hanya orang yang

'Bodoh Sombong' seperti Saudara Zulkifli yang hendak menengah Bahasa Inggeris untuk membena Bahasa Kebangsaan. Walaupun saya tidak bercakap dalam Bahasa Kebangsaan lebih 20 tahun. Saya masih faham Bahasa Kebangsaan kerana semua Ilmu adalah baik untuk membena sendiri

Perdamaian Kepada Anda Dalam Nama Isa

41. *Mustapha Saifuddin*

November 17, 2011 at 2:46 am

Salam Tun,

In my limited experience studying and practising technology, I have observed that many of us Malaysians do not have much problems acquiring knowledge. What we find most challenging compared to our western, or neighboring counterparts is the ability to express the acquired knowledge. I feel that the fundamental root cause to this is the failure to empower linguistic capabilities, in this case English, to the level optimal enough so that one is able to communicate technical information without much effort. Being a 100% product of the local education system, I must say that it took a lot of proactive effort on my part to bring my written and spoken English par with international standards, with lots of room left for improvement. If this issue is addressed at a young age in school where the molding is much easier, I am sure the next generation will not struggle as much as the previous ones have.

42. *ibrahim*

November 17, 2011 at 1:49 am

Assalamualaikum Tun,

Alasan menukar kembali pembelajaran Matematik dan Sains di dalam Bahasa Malaysia adalah:

1. Keputusan atau pencapaian pelajar telah menurun terutamanya dikalangan pelajar melayu di sekolah-sekolah pendalaman yang tidak mahir berbahasa inggeris.
2. Tenaga pengajar dalam bahasa inggeris untuk mata pelajaran terbabit adalah tidak mencukupi. Kebanyakan guru adalah dari latarbelakang bahasa Malaysia, banyaklah kejadian yang guru ditertawakan murid kerana kerana tersalah 'pronounce'.
3. Untuk mempertahankan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar. Bahasa Malaysia yang juga bahasa Melayu dikhuatiri akan terpinggir dengan penggunaan meluas bahasa inggeris....

Mungkin ada lagi alasan selain di atas. Apa pun alasan, memang tidak sebernas penjelasan Tun.

43. *razalikusain*

November 17, 2011 at 12:02 am

I am sure Khairul Dean means well, but I couldn't make a sense of what he is trying to put across, especially he has so many Arabic words in between his paragraph. When he mentions Father, did he mean Jesus Christ? The English used by him should not be copied when doing Science and Mathematics. Because it will surely make the cikgu confused.

My English is not as good as Mr Dean, so I try to argue this issue to the best of my ability.

I totally agreed with Tun that the objective is to understand Maths and Science. As many words are Latin-based which makes English the better language in not only learning basic Science and English but also the new technologies in the future. Even the Japanese created Katakana scripts to accommodate the words that cannot be directly translated into Japanese.

This issue was discussed so many years ago, personally speaking, the decision was made not based on rationale but politically emotional, with a wrong decision model based on public surveys.

Malay language itself is inefficient. It will take 33% longer than writing it in English when describe the same situation.

In Mathematics and Science, the student should be able to argue as concise and accurate as possible. English is more efficient language when doing Science and Mathematics.

44. *chamkt*

November 16, 2011 at 11:31 pm

I was shocked to receive a message from my tenant of 30 yrs old Malaysian.

Dr. M, this is what you have done to our English standard for the last 2 decades! Are you doing the people a disservice??

“INSIDE THE PAIP SAME LIKE TAT DAY BOCOR LAGI SO NOW MY CUPBOARD ALL BE THE WATER,THE DAY MY RM 350 CARPET ALL WET AND I TROW READY ,I LOST MY MONEY IN HERE SO HOW ?THAT DAY PAIP ALL OK FOR FEW DAY,NOW SAME PROBLEM ,BOSS MUST COME TO REPORT ALL THE THING OTHER THING IS OUT SIDE THE BATU ALL BROKEN READY GOT SO MANY RATS AND SOME POISON INSECT IN OUR SHOP,SO HOW I MUST COME TO SEE

THANK YOU”

45. *plain.N.simple*

November 16, 2011 at 10:45 pm

oh... one more thing...

in arguments #15-17, you asked, “Siapakah diantara kita yang menguasai ilmu ini tanpa menguasai bahasa Inggris yang mampu membuat perkiraan ini?”

Orang RUSSIA lancar Kosmonaut-nya dalam bahasa apa, Tun?

and, in #18, you posed, “...*Hanya bangsa yang berilmu sahaja yang akan mandiri tamaddun yang tinggi.*”

Interesting question... Is knowledge a monoglot?

or, is knowledge multilingual?

It's time the Tun puts his weight on the non-performing DBP and fire the whole lot. It's time to fill the posts with real people who, not only understand languages, but real people who have a “**feel**” for languages; as opposed to the present English-Malay parakeets.

As a primer... Malay is a double-syllable language... now you understand why Malaysians say, “No, lah!” or “Yes, lah!”

Also, the alphabets “V” “X” and “Z” do not roll well on the Malay tongue... so, making up words with those alphabets can only be the witless inventions of the DBP English-Malay parrots.

Anyway, knowledge speaks to you in any language you wish it to... but because the best and most revealing knowledge aren't supposed to come easily... they have to be translated... and, what if they got lost in translation, you ask?

... fire the Translators!

46. *water*

November 16, 2011 at 9:54 pm

Tepat sekali! Menuju ke arah cemerlang! Hanya untung dan tidak merugikan

47. *plain.N.simple*

November 16, 2011 at 9:29 pm

in all honesty, I'm confused but, with all due respect... you've definitely lost it!

your argument in #1 that "...*penggunaan Bahasa Inggeris untuk mengajar sains dan matematik bukan untuk mempelajari Bahasa Inggeris atau memperbaiki penguasaan bahasa itu...*" is, to say the least, **illogical**. And, coming from a pragmatist like yourself, is simply **preposterous**. It's akin to the chicken and egg parable... 2020 would have come and gone and we'd still be arguing about it. Malaysia Boleh!

arguments #2-14 are your usual preamble to justify a couple of pre-conceived defeatist points:

i. Ia terlalu banyak untuk diterjemah kedalam Bahasa Melayu.

ii. Sebabnya ialah oleh kerana sukar mendapat buku teks sains diperingkat tinggi dalam bahasa mereka sendiri.

Yes, there are tons of information that need to be translated... and, admittedly, it's difficult... however, difficult is NOT impossible.

A task is heavy if shouldered by 2 individuals... but, with 28,666,362+ shoulders... nothing is impossible!

In truth, the real questions YOU should be asking yourself is, "Why did I left it so late?" and "What did I do in those 22 years?"

Although, to be fair, I'd rather ask, "What did you and your former deputy, along with the Oppositions, do, **collectively**, to better the lives of all Malaysians?"

Last, but not least, the greatest irony is ending your article, which throws support for the teaching of Maths and science in a foreign language, with "*Bahasa Jiwa Bangsa*" and "*Ilmu Menegak Bangsa*."

Malaysia Boleh!

I'm confused... should I laugh or cry?

48. *imahadi*

November 16, 2011 at 9:28 pm

Salam Tun dan Malaysia...

Orang Melayu kena dipaksa terima hakikat yg Sains dan Matematik mesti dlm Bahasa Inggris....setakat dok ulang2 ungkapan "laman sesawang, papan kekunci, tetikus" sebagai istilah BM sains masih tak berkesan..masih ada 1001 cara nak mertabatkan Bahasa Melayu wahai pejuang2 Bahasa Melayu...

Orang Cina dan India kuasai 3 bahasa...Cina/India, B Malaysia dan English...

